

**KAJIAN TERHADAP PEMETAAN RUMAH TRADISIONAL MELAKA YANG  
MEMBERI KESAN TERHADAP PERSEPSI MASYARAKAT DI TIGA  
KAMPUNG KAWASAN MASJID TANAH**

**MUHAMMAD FARHAN BIN ISMAIL**

UNIVERSITI

MALAYSIA

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
DENGAN KEPUJIAN**

**2023**



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**KAJIAN TERHADAP PEMETAAN RUMAH TRADISIONAL MELAKA YANG  
MEMBERI KESAN TERHADAP PERSEPSI MASYARAKAT DI TIGA  
KAMPUNG KAWASAN MAJSID TANAH**

Oleh

**MUHAMMAD FARHAN BIN ISMAIL**

TESIS INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN UNTUK  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI  
MALAYSIA KELANTAN**

**2023**

## PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

### TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

### SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_

### SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)\*

### TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)\*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuatsalinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.


Tandatangan Utama



.....  
MUHAMMAD FARHAN BIN ISMAIL

Tarikh: 16 Februari 2023

Tandatangan Penyelia



**FARRAH ATIKAH BINTI SAARI**  
*Penyarah*  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
Beg Berkunci No. 01  
16300 Bachok, Kelantan.

Tarikh: 16 Februari 2023

Nota: \*Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama suratdaripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan sekat.

## THESIS DECLARATION

I hereby certify that the work embodied in this thesis is the result of the original research and has not been submitted for a higher degree to any other University or Institution.

**OPEN ACCESS**

I agree that my thesis is to be made immediately available as hardcopy or on-line open access (full text)

**EMBARGOES**

I agree that my thesis is to be made available as hardcopy or on-line (full text) for a period approved by the Post Graduate Committee.

Date from \_\_\_\_\_ until \_\_\_\_\_

**CONFIDENTIAL**

(Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)\*

**RESTRICTED**

(Contains restricted information as specified by the organization where research was done)\*

I acknowledge that University Malaysia Kelantan reserves the right as follows.


1. The thesis is the property of University Malaysia Kelantan.
2. The library of University Malaysia Kelantan has the right to make copies for the purpose of research only.
3. The library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

Signature



.....  
MUHAMMAD FARHAN BIN ISMAIL

Signature of Supervisor



.....  
**FARRAH ATIKAH BINTI SAARI**  
*Pensyarah*  
Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan  
Universiti Malaysia Kelantan  
Beg Berkunci No: 01  
16300 Bachok, Kelantan.

Date: 16 February 2023

Date: 16 February 2023

Note: \* If the thesis is CONFIDENTIAL OR RESTRICTED, please attach the letter from the organization stating the period reasons for confidentiality and restriction.

## PENGHARGAAN

Segala puji dan syukur diucapkan kehadiran Allah S.W.T di atas limpah dan kurniaNya, kerana dapat saya menyiapkan tugas tesis ini dengan jayanya walaupun terdapat pelbagai cabaran yang saya perlu tempuhi sepanjang menjalankan kajian ini.

Pada kesempatan ini saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih buat penyelia saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari kerana banyak memberikan tunjuk ajar, ilmu serta dorongan dapat mendapatkan hasil penyelidikan yang baik. Segala ilmu yang diberikan oleh beliau dalam menjayakan projek penyelidikan ini sangat membantu dari segi penulisan saya. Beliau banyak memberikan idea-idea yang bernas dan sentiasa membetulkan kesalahan saya bagi mendapatkan penulisan yang terbaik.

Akhir kata, saya juga ingin mengucapkan terima kasih buat keluarga saya serta rakan-rakan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam membantu saya menyiapkan projek penyelidikan ini sepanjang ia berlangsung. Semoga penyelidikan ini dapat memberikan manfaat sebagai bahan rujukan untuk masa akan datang.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## ISI KANDUNGAN

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
PENGHARGAAN	I
ISI KANDUNGAN	II
SENARAI RAJAH	VII
SENARAI JADUAL	XI
ABSTRAK	XII
ABSTRACT	XIII
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	2
1.4 Persoalan Kajian	3
1.5 Objektif Kajian	3
1.6 Skop Kajian	4
1.7 Kepentingan Kajian	5
1.8 Penutup	6

**BAB 2 SOROTAN KAJIAN**

2.1 Pengenalan	7
2.2 Definisi Rumah Tradisional Melayu	8
2.3 Seni Bina dan Reka Bentuk Rumah Tradisional Melayu	9
2.4 Pemetaan terhadap Bangunan	21
2.5 Pemuliharaan Terhadap Bangunan	23
2.6 Kepentingan Pemuliharaan terhadap Bangunan	27
2.7 Penutup	31

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	31
3.2 Reka Bentuk Kajian	33
3.3 Instrumen Kajian	33
3.4 Pungutan Data	34
3.5 Kaedah Analisis Data	35
3.6 Penutup	37

**BAB 4 DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pengenalan	38
----------------	----

4.2 Lokasi Bilangan Taburan Rumah Tradisional Melayu Melaka yang Terdapat di 3 Kampung Kawasan Masjid Tanah	39
4.2.1 Bilangan Taburan Kampung Solok Ayer Kelulut	41
4.2.2 Bilangan Taburan Kampung Londang	44
4.2.3 Bilangan Taburan Kampung Solok Kemang	46
4.3 Tipologi Rumah Tradisional Melaka di 3 Kampung Kawasan Masjid Tanah	48
4.3.1 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM1)	49
4.3.2 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM2)	51
4.3.3 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM3)	53
4.3.4 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM4)	55
4.3.5 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM5)	57
4.3.6 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM6)	59
4.3.7 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM7)	61
4.3.8 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM8)	63
4.3.9 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM9)	65
4.3.10 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM10)	67
4.3.11 Jenis Tipologi Rumah Tradisional Melaka yang Terdapat di Kampung Solok Ayer Kelulut, Kampung Londang dan Kampung Solok Kemang	69
4.4 Analisis Demografi Responden	73



4.4.1 Demografi Responden Berdasarkan Jantina	73
4.4.2 Demografi Responden Berdasarkan Umur	74
4.4.3 Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan	75
4.5 Kepentingan Pemeliharaan Rumah Tradisional sebagai Khazanah Negara	76
4.5.1 Rumah Tradisional Penting dalam Mengekalkan identiti Negara	78
4.5.2 Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan Sebagai Satu Sumber Penyelidikan dan Pendidikan	79
4.5.3 Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan sebagai Salah Satu Bukti Kukuh kepada Sesuatu Era atau Sejarah	80
4.5.4 Rumah Tradisional Penting untuk dijadikan Salah Satu Tarikan Pelancong Domestik Mahupun Antarabangsa	81
4.5.5 Rumah Tradisional Penting bagi Mengekalkan Nilai Senibina dan Estetika	82
4.5.6 Rumah Tradisional yang Sedia Ada Penting dalam Memupuk Semangat Patriotisme dalam Kalangan Generasi Muda	83
4.5.7 Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan sebagai Tempat Penggunaan Semula Infrastruktur	85
4.5.8 Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan Sebagai Salah Satu Pencapaian Dari Sudut Saintifik	86
4.5.9 Rumah Tradisional Penting untuk Mengekalkan Prinsip dan Falsafah yang Terdapat pada Rumah Melaka	87
4.5.10 Rumah Tradisional Melaka Penting untuk Mempamerkan Kepelbagaian Reka Bentuk yang Terdapat di Malaysia	88

4.6 Penutup	89
<b>BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN &amp; CADANGAN</b>	
5.1 Pengenalan	90
5.2 Perbincangan	91
5.2.1 Perbincangan Obejtif Kajian 1: Lokasi Bilangan Taburan Tradisional Melaka yang Terdapat di 3 Kampung Kawasan Masjid Tanah	91
5.2.2 Perbincangan Objektif Kajian 2: Tipologi Rumah Tradisional Melaka di 3 Kampung Kawasan Masjid Tanah	93
5.2.3 Perbincangan Objektif Kajian 3: Kepentingan Pemeliharaan Rumah Tradisional Melaka Sebagai Khazanah Negara	95
5.3 Rumusan	96
5.4 Cadangan	97
5.5 Penutup	100
RUJUKAN	101
LAMPIRAN	103

**SENARAI RAJAH**

<b>NO</b>		<b>HALAMAN</b>
Rajah 1.1	Peta Kedudukan bagi Kampung Solok Kemang, Kampung Londang dan Kampung Solok Air Kelulut	4
Rajah 2.1	Rumah Milik Mohamad Anwar Haji Mohd yang Dibina Menghadap Kiblat	10
Rajah 2.2	Ukiran Flora dan Kaligrafi Arab di Rumah Salmah Bt Md.Johan	13
Rajah 2.3	Laluan Pengedaran Udara Keluar Masuk Rumah Melayu Tradisional	15
Rajah 2.4	Struktur Rumah Melayu yang Menghadap Kiblat	16
Rajah 2.5	Reka Bentuk Serambi Gaya dan Saiz Serambi	17
Rajah 2.6	Rumah Tradisional Melak	21
Rajah 2.7	Peta Rumah Adat Daerah Sungai Rokan Wilayah Riau	22
Rajah 2.8	Peta Rumah Adat Daerah Sungai Siak Wilayah Riau	23
Rajah 2.9	Masalah Kesukaran Mendapatkan Bahan Ganti	26
Rajah 2.10	Senarai Faktor-Faktor Kerosakan yang Berlaku pada Kompleks Sejarah Matang	28

Rajah 2.11	Keadaan pada Bahagian Bumbung yang Mengalami Kerosakan Disebabkan oleh Faktor Kelembapan	30
Rajah 4.1	Lokasi Bilangan Taburan di Kampung Solor Ayer Kelulut	41
Rajah 4.2	Lokasi Bilangan Taburan di Kampung Londang	44
Rajah 4.3	Lokasi Bilangan Taburan di Kampung Solok Kemang	46
Rajah 4.4	Borang Inventori Bagi Rumah RM1 (Mustafa bin Mahad)	49
Rajah 4.5	Borang Inventori Bagi Rumah RM2 (Husham bin Zakaria)	51
Rajah 4.6	Borang Inventori Bagi Rumah RM3 (Putih bin Osman)	53
Rajah 4.7	Borang Inventori Bagi Rumah RM4(Nuresah binti Baba)	55
Rajah 4.8	Borang Inventori Bagi Rumah RM5 (Mahmud bin Baba)	57
Rajah 4.9	Borang Inventori Bagi Rumah RM6 (Rahman bin Mat)	59
Rajah 4.10	Borang Inventori Bagi Rumah RM7 (Aisyah binti Rashid)	61
Rajah 4.11	Borang Inventori Bagi Rumah RM8 (Roshaida binti Ahmad)	63
Rajah 4.12	Borang Inventori Bagi Rumah RM9 (Maimunah binti Sehat)	65

Rajah 4.13	Borang Inventori Bagi Rumah RM10 (Azri bin Mohamad)	67
Rajah 4.14	Pelan Lantai Rumah Tradisional Melaka	70
Rajah 4.15	Pelan Lantai Rumah Limas Melaka	71
Rajah 4.16	Peratus Responden Berdasarkan Jantina	73
Rajah 4.17	Peratus Responden Berdasarkan Umur	74
Rajah 4.18	Peratus Responden Berdasarkan Pekerjaan	75
Rajah 4.19	Graf Responden Rumah Tradisional Penting dalam Mengekalkan Identiti Negara	78
Rajah 4.20	Graf Responden Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan Sebagai Satu Sumber Penyelidikan dan Pendidikan	79
Rajah 4.21	Graf Responden Rumah tradisional penting untuk dijadikan sebagai salah satu bukti kukuh kepada sesuatu era atau sejarah	80
Rajah 4.22	Graf Responden Rumah Tradisional Penting untuk dijadikan Salah Satu Tarikan Pelancong Domestik Mahupun Antarabangsa	81
Rajah 4.23	Graf Responden Rumah Tradisional Penting bagi Mengekalkan Nilai Senibina dan Estetika	82
Rajah 4.24	Graf Responden Rumah Tradisional yang Sedia Ada Penting dalam Memupuk Semangat Patriotisme dalam	83

Kalangan Generasi Muda

Rajah 4.25	Graf Responden Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan sebagai Tempat Penggunaan Semula Infrastruktur	85
Rajah 4.26	Graf Responden Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan Sebagai Salah Satu Pencapaian Dari Sudut Saintifik	86
Rajah 4.27	Graf Responden Rumah Tradisiomnal Penting untuk Mengekalkan Prinsip dan Falsafah yang Terdapat pada Rumah Melaka	87
Rajah 4.28	Graf Responden Rumah Tradisional Melaka Penting untuk Mempamerkan Kepelbagaian Reka Bentuk yang Terdapat di Malaysia	88

**SENARAI JADUAL**

<b>NO</b>		<b>HALAMAN</b>
Jadual 3.1	Jenis Instrumen yang Digunakan Dalam Kajian	34
Jadual 3.2	Mengenalpasti Kaedah Kajian yang akan Dijalankan	36
Jadual 4.1	Bilangan Rumah Tradisional di 3 Kampung Kawasan Masjid Tanah	40
Jadual 4.2	Jumlah Keseluruhan Responden Menjawab Soal Selidik Kepentingan Pemeliharaan Rumah Tradisional Sebagai Khazanah Negara	77

## ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengetahui berkaitan pemetaan rumah tradisional Melaka yang memberi kesan terhadap masyarakat di tiga kampung kawasan Masjid Tanah. Tiga kampung yang terdapat di dalam kawasan kajian ini ialah Kampung Solok Kemang, Kampung Londang dan Kampung Solok Air Kelulut. Permasalahan yang dihadapi dalam kajian ini adalah tiadanya kesedaran kepada masyarakat setempat berkaitan lokasi bilangan rumah tradisional Melaka, kurangnya pemetaan terhadap bangunan warisan di Malaysia dan kurangnya kesedaran terhadap kepentingan pemeliharaan bangunan warisan. Kajian ini akan tertumpu kepada lokasi bilangan taburan rumah tradisional Melaka di 3 kampung Masjid Tanah. Seterusnya, kajian ini juga memberikan tumpuan terhadap tipologi rumah tradisional yang terdapat pada kawasan kajian. Selain itu, kajian ini juga tertumpu kepada kepentingan pemeliharaan rumah tradisional Melaka sebagai khazanah negara. Pengkaji akan menggunakan kedua-dua kaedah iaitu kualitatif dan kuantitatif iaitu penggunaan kaedah dari pemerhatian dan soal selidik. Setiap data yang diperoleh melalui kaedah tersebut akan dianalisis dan dirumuskan untuk mencapai objektif kajian ini. Diharap kajian ini dapat membuka mata dan menghargai berkaitan dengan kepentingan rumah tradisional Melaka

**Kata Kunci:** Kepentingan pemeliharaan, Lokasi Taburan, Persepsi Masyarakat, Rumah Melaka

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## ABSTRACT

This study was conducted to find out about the mapping of traditional houses in Melaka that affect the community in the three villages of the land mosque area. The three villages in the study area are Solok Kemang village, Londang village and Solok Air Kelulut village. The problems encountered in this study are the lack of awareness to the local community regarding the location of the number of traditional houses in Melaka, the lack of mapping of heritage buildings in Malaysia and the lack of awareness of the importance of conservation of heritage buildings. This study will focus on the location of the distribution of traditional houses in Melaka in 3 villages of Masjid Tanah. Furthermore, this study also focused on the typology of the traditional house that have been found in the study area. Besides that, this study also focuses on the importance of preserving the traditional house of Melaka as a national treasure. Researchers will use both qualitative and quantitative methods, namely the use of methods from observations and questionnaires. Each data obtained through the method will be analyzed and formulated to achieve the objectives of this study. It is hoped that this study can open eyes and appreciate the importance of traditional houses in Melaka.

**Keywords:** Melaka House, Community Perception, Importance of Conservation, Distribution Location

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Masjid Tanah merupakan satu kawasan yang terletak di daerah Alor Gajah. Masjid Tanah mendapat nama dari sebuah masjid yang mana ia diperbuat dari tanah. Masjid tersebut telah dibina oleh seorang sheikh yang berasal Gujarat pada tahun 1800 an. Kawasan Masjid Tanah ini terdapat banyak perkampungan dimana di sana masih terdapat banyak lagi rumah tradisional Melaka malahan juga terdapat rumah tradisional yang mempunyai rekabentuk dari negeri-negeri luar.

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Rumah tradisional ialah rumah yang masih mengekalkan ciri reka bentuk masyarakat dahulu. Rumah tradisional ini bukan sahaja unik malahan ia melambangkan kehalusan seni bina yang mana ia boleh dilihat terdapat pelbagai reka bentuk rumah tradisional mengikut setiap negeri. Jika dilihat reka bentuk rumah tradisional lebih melambangkan cara hidup dan sikap terbuka orang melayu. Selain itu juga reka bentuk rumah tradisional juga banyak berpengaruh dengan budaya, agama dan adat resam.

Jika melihat kepada rumah tradisional melayu melaka pula, ia terkenal dengan tangga batu yang bersalut jubin serta beraneka warna dan corak. Secara umumnya,

penggunaan 12 hingga 16 batang tiang utama digunakan bagi mendirikan rumah Melaka. Ia terbahagi kepada beberapa ruang iaitu rumah ibu, ruang tengah, dapur dan serambi.

Di dalam kajian ini, pengkaji akan memfokuskan kajian tiga kawasan kampung di kawasan masjid tanah dimana berkaitan dengan rumah tradisional Melayu Melaka. Kajian berkaitan pemetaan akan dilakukan di kawasan tersebut bagi mengetahui lokasi bilangan taburan rumah tradisional melaka. Seterusnya dengan menggunakan bantuan borang inventori pengkaji akan melakukan pemerhatian terhadap rumah tradisional yang dijumpai untuk mengetahui tipologi rumah tradisional di kawasan tersebut. Kemudian pengkaji akan melakukan kaedah kuantitatif bagi mendapat pandangan berkaitan dengan kepentingan pemeliharaan rumah tradisional untuk dijadikan sebagai khazanah negara.

### **1.3 Permasalahan Kajian**

Melalui kajian yang dijalankan, terdapat beberapa permasalahan kajian yang diperoleh oleh pengkaji. Permasalahan tiada kesedaran kepada masyarakat setempat berkaitan dengan lokasi dan bilangan rumah tradisional Melaka di kawasan Masjid Tanah. Kajian ini akan mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat Melayu kini untuk menjaga dan memulihara warisan senibina rumah tradisional Melayu (Mohamad Sohaimi Man, 2017). Bagi permasalahan yang kedua adalah kurangnya pemetaan terhadap bangunan warisan di Malaysia. Hasil dari penelitian oleh pengkaji, masih tiada lagi artikel berkaitan pemetaan terhadap bangunan warisan di Malaysia. Soliah Mustafa, (2015) menjelaskan kajian terhadap pemuliharaan bandar tapak warisan di Malaysia masih kurang. Seterusnya permasalahan kajian yang ketiga ialah kurangnya kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan bangunan warisan. Sinar harian (2022) faktor

kurangnya kesedaran dalam kalangan anggota masyarakat khususnya terhadap sentimental sesebuah menumen juga mengundang berlakunya vandalisme terhadap produk sejarah lalu. Oleh disebabkan itu pengkaji ini mengetahui apakah persepsi masyarakat terhadap pemeliharaan rumah tradisional Melaka.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Terdapat beberapa persoalan yang telah dikemukakan bagi mencapai objektif yang bertepatan dengan tajuk kajian yang telah dipilih. Antara persoalan kajian tersebut adalah seperti:

- 1.4.1) Berapakah lokasi bilangan taburan Rumah Tradisional Melaka yang terdapat di 3 kampung kawasan Masjid Tanah?
- 1.4.2) Apakah tipologi Rumah Tradisional Melaka di tiga kampung kawasan Masjid Tanah?
- 1.4.3) Apakah kepentingan pemeliharaan Rumah Tradisional Melaka sebagai khazanah negara?


#### **1.5 Objektif Kajian**

Dalam kajian ini, terdapat tiga objektif kajian yang berbeza yang telah dibentuk bagi mencapai kehendak utama kajian ini. Berikut adalah merupakan antara objektif yang dibentuk:

- 1.5.1) Mengenalpasti lokasi bilangan taburan Rumah Tradisional Melaka yang di 3 kampung kawasan Masjid Tanah.
- 1.5.2) Mengkaji tipologi Rumah Tradisional Melaka di 3 kampung kawasan Masjid Tanah.

1.5.3) Mengkaji kepentingan pemeliharaan Rumah Tradisional Melaka sebagai khazanah negara.

## 1.6 Skop Kajian



**Rajah 1.1:** Peta kedudukan bagi Kampung Solok Kemang, Kampung Londang dan kampung Solok Air Kelulut  
Sumber: Internet (Google Maps)

Kampung Solok Air Kelulut, Kampung Solok Kemang dan Kampung Londang  
78300 Masjid Tanah, Melaka

Skop kajian ini akan dijalankan sepenuhnya di kawasan Masjid Tanah. Terdapat tiga kampung di kawasan Masjid Tanah ini yang terlibat di dalam kajian ini iaitu Kampung Solok Kemang, Kampung Londang dan Kampung Solok Air Kelulut. Di dalam kajian ini, pengkaji akan melakukan pemetaan berkaitan lokasi rumah Melaka di kawasan kajian. Seterusnya, pengkaji akan melakukan pemerhatian di kawasan kajian dengan menggunakan borang inventori mengenai tipologi rumah tradisional Melaka. Di samping itu juga pengkaji akan menggunakan borang soal selidik ke atas penduduk kampung di kawasan kajian tentang kepentingan pemeliharaan rumah tradisional Melaka dalam menjadikan sebagai khazanah negara.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Pelaksanaan kajian pemetaan rumah tradisional Melaka di kawasan Masjid Tanah Melaka ini telah menghasilkan beberapa kepentingan yang boleh memberi manfaat kepada beberapa pihak iaitu individu, masyarakat, dan perlancongan.

### **i. Individu**

Kajian yang dilaksanakan ini bertujuan untuk memberikan kepentingan kepada seseorang individu. Hal ini adalah kerana melalui kajian ini ia membantu individu dalam mendapatkan maklumat atau sumber rujukan dalam menjalankan kajian yang mempunyai perkaitan yang sama dengan kajian ini. Tambahan pula, kajian ini juga berkemungkinan dapat memberi inspirasi kepada seseorang individu dalam melakukan kajian yang terhadap pemetaan rumah tradisional yang terdapat di Malaysia.

### **ii. Masyarakat**

Kajian ini dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat berkaitan dengan pemetaan lokasi dan bilangan rumah yang terdapat di kawasan Masjid Tanah. Seterusnya, kajian ini juga dapat memberikan pengetahuan tentang tipologi rumah tradisional yang wujud pada kawasan kajian dan persepsi pemuliharaan rumah tradisional Melaka sebagai khazanah negara.

### **iii. Institusi perlancongan**

Kajian yang dijalankan ini diharap dapat memberikan pendedahan kepada masyarakat luar untuk melihat dengan sendiri seni bina rumah tradisional Melaka. Sebagai contohnya, pihak yang terbabit yang menjaga berkaitan

dengan perlancongan di melaka boleh memasukkan kajian pemetaan ini kepada pelancong supaya mereka dapat merasai dan mempelajari dengan lebih mendalam berkaitan dengan rumah tradisional Melaka.

### **1.8 Penutup**

Kesimpulannya kajian ini dijalankan adalah dimana pengkaji ingin mengetahui lokasi bilangan taburan rumah tradisional Melaka yang terdapat di tiga kampung di daerah masjid tanah. Seterunya pengkaji ingin mengentahui apakah tipologi rumah tradisional melaka di kawasan kajian dengan menggunakan borang inventori. Akhirnya pengkaji ingin memngetahui apakah kepentingan rumah tradisional Melaka sehingga boleh diangkat dijadikan sebagai khzanah negara.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.1 Pengenalan

Kajian literatur merupakan pernyataan fakta yang menyokong kepada sesuatu objektif kajian. Sorotan kajian ini membuktikan bahawa teori yang digunakan bukanlah hanya rekaan. Dalam erti kata lain, adalah hasil kajian yang pernah dilakukan oleh individu lain yang mana berkaitan dengan kajian yang akan dilakukan pada masa sekarang. Bryman & Bell (2003) menyatakan bahawa sorotan kajian ialah rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam perpustakaan atau literatur berkenaan topik atau fokus kajian penyelidikan. Menurut Creswell (2005) sorotan kajian itu perlulah menghurai, meringkas, menganalisis, mensintesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang di pilih.

Dalam mencapai objektif penyelidikan ini, pengkaji menjalankan penyelidikan berdasarkan dengan apa yang berkaitan dengan kajian yang akan dijalankan. Iaitu kajian tentang definisi rumah tradisional dan seni bina dan reka bentuk tradisional rumah Melaka. Perkara ini menjadi satu bukti yang kukuh terhadap kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji dengan melakukan pencarian artikel, jurnal dan kajian lepas (Brymen & Bell, 2003). Penulisan ini menjadikan



pengkaji lebih mudah dalam menjadikan kajian ini lebih mudah dipercayai dan lebih sistematik.

## **2.2 Definisi Rumah Tradisional Melayu**

Rumah tradisional melayu didefinisikan sebagai sebuah binaan tempat tinggal yang bercorak tradisi atau turun-temurun dan perkataan tradisi membawa maksud sebagai suatu kebiasaan, adat, kepercayaan yang kekal turun temurun, sesuatu yang sudah menjadi amalan yang sudah sebatian dengan sesuatu masyarakat, golongan atau kumpulan (Fadlina Ahamad, Raja Nafida Raja Shahminan, FawazulKhair Ibrahim, Othman Mohd Nor, 2012). Hal ini menunjukkan bahawa rumah tradisional merupakan sebuah kediaman sesebuah masyarakat yang melambangkan adat warisan budaya masyarakat sejak turun temurun. Menurut Yaakub (1996) rumah Melayu adalah rumah tradisional yang terbentuk di dalam masyarakat Melayu bersama dengan evolusi kebudayaan melayu itu sendiri yang mana ia telah diasimilasikan dengan budaya tempatan mengikut kesesuaian persekitaranm pengaruh budaya dan adat resam. Hal ini dapat kita fahami bahawa rumah melayu itu terbentuk hasil dari evolusi di dalam kebudayaan masyarakat melayu itu sendiri dan mengikut pengaruh budaya dan adat resam.

Abdul Azis said (2004) mentakrifkan rumah tradisional sebagai sesuatu bangunan dengan struktur, bentuk dan fungsi serta ragam hias yang memiliki ciri khas tersendiri, begitu juga mengekalkan seni warisan yang diwariskan secara turun temurun dan dapat digunakan untuk melakukan kegiatan kehidupan oleh penduduk sekitarnya berdasarkan ilmu kearifan tempatan. Rumah tradisional

juga disebut rumah adat atau rumah asli atau rumah rakyat ( Abdul Azis Said, 2004).

Rumah tradisional melayu merupakan legasi seni pertukangan melayu yang unik dimana ia dapat dilihat dari kehalusan seni pertukangan, Teknik pembinaan dan pemilihan bahan binaan setempat menghasilkan interaksi bangunan dan alam sekitar dengan baik, memenuhi keperluan fungsi yang seringkali dihubungkan dengan amalam kebudayaan, agama dan kepercayaan dan adat resam (Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad, Anita Ismail, 2021) .Menurut Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus, Mastor Surat (2016) mendefinisikan bahawa rumah Melayu tradisional adalah warisan orang Melayu dan merupakan salah satu keperluan asas di dalam kehidupan orang melayu.

### **2.3 Seni Bina dan Reka Bentuk Rumah tradisional Melayu**

Berdasarkan kepada Fadlina Ahamad, Raja Nafida Raja Shahminan, FawazulKhair Ibrahim, Othman Mohd Nor (2012), di dalam jurnal yang bertajuk *Pengaruh Kedatangan Islam terhadap Senibina dan Ornamentasi pada Rumah Tradisional Melaka* terdapat dua jenis tipologi utama bagi rumah tradisional Melak, sama ada rumah bertiang dua belas ataupun rumah yang bersaiz lebih besar iaitu rumah bertiang enam belas. Rumah bertiang dua belas mempunyai enam tiang yang tinggi dengan enam tiang lagi adalah untuk menampung bahagian serambi. Manakala bagi rumah bertiang enam belas pula, lapan tiang adalah bagi ruang tengah manakala lapan tiang lagi digunakan untuk menampung bahagian serambi. Dahulunya kebanyakan rumah tradisional melayu mempunyai tangga kayu di bahagian hadapan rumah, akan tetapi hasil

daripada pengaruh negara luar, tangga kayu mula ditukarkan kepada konkrit mengikut kepada ekomoni pemilik rumah tersebut.

Ciri-ciri seni bina Rumah tradisional Melaka megikut ajaran islam ialah dimana rumah tradisional melayu mula dibina semula menghadap kiblat. Contohnya boleh dilihat dimana rumah milik Mohamad Anwar Haji Mohid yang dibina menghadap kiblat. Ciri seterusnya adalah dari sudut perletakan rumah di mana rumah-rumah akan didirikan berdekatan antara satu sama lain bersama dengan masjid. Hal ini adalah kerana islam adalah agama yang mementingkan ukhwah antara penganutnya (Fadlina Ahamad, Raja Nafida Raja Shahminan, FawazulKhair Ibrahim, Othman Mohd Nor, 2012)



**Rajah 2.1:** Rumah Milik Mohamad Anwar Haji Mohd yang Dibina Menghadap Kiblat

Sumber: Artikel (Pengaruh kedatangan islam terhadap senibina dan ornamentasi pada rumah tradisional Melaka)

Menurut Noor Hayati Ismail, Shahrul kamil Yunus, Mastor Surat (2016) reka bentuk rumah tradisional melayu di seluruh Malaysia boleh dilihat beberapa jenis dan tipologi. Rumah tradisional bagi setiap negeri di Malaysia mempunyai bentuk-bentuk yang tersendiri. Seni bina rumah tradisional Melayu sentiasa berkembang di bawah pengaruh tradisi aktiviti sosio budaya dan perlakuan masyarakat yang mana ia merupakan manifestasi ketinggian dan kehalusan seni dalam falsafah pemikiran kearifan tempatan (Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad, Anita Ismail, 2021). Warisan budaya seni bina menjadi kemegahan masyarakat Melayu di rantau ini, pada hari ini terdapat pelbagai reka bentuk seni bina modern yang tidak menggambarkan identiti nasional dan warisan bangsa yang kita banggakan, jauh sekali untuk mengangkat dan mengekalkan jati diri peradaban bangsa pada kedudukan tinggi disebabkan factor kurang pemahaman tentang identity seni bina nasional (Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim, 2007:2008)

Menurut kepada *Kamus Dewan*, perkataan bina itu pula memberikan maksud seni atau ilmu merancang, membentuk dan juga membina bangunan. Selain itu ia juga boleh ditafsirkan kepada gaya yang terdapat pada sesuatu bangunan yang didirikan dan juga bentuk bangunan yang dibina pada zaman yang tertentu (Kamus Dewan , 2005). Oleh hal yang demikian, *Oxford Dictionary* telah mengistilahkan perkataan seni bina itu adalah bermaksud sebagai salah satu dari kesenian dalam mereka bentuk sesebuah bangunan yang juga termasuk kepada gaya atau rupa pada sesuatu bangunan tersebut (Oxford Dictionary, 1988).

Menurut Fadlina Ahamad, Raja Nafida Raja Shahminan, Fawazul Khair Ibrahim, Othman Mohd Nor (2012) rekabentuk rumah tradisional melaka telah

berubah selepas kedatangan islam yang mana adanya pemisahan antara laki dan perempuan serta pemisahan tetamu dengan pemilik rumah. Perkara ini boleh dilihat di mana rumah Melaka biasanya hanya mempunyai satu sahaja bilik iaitu rumah ibu iatu untuk pasangan suami dan isteri dan loteng pula digunakan oleh anak- anak dara perempuan berehat. Rumah melaka dibahagikan kepada ruang serambi, rumah tengah, selang, dapur, loteng dan bilik tidur (rumah ibu). Seterusnya pembinaan pintu dan tingkap di rumah melaka juga dipengaruhi oleh islam dimana bahagian pintu mempunyai 3 bahagian iaitu bahagian serambi selang dan pintu dapur. Pintu bahagian serambi akan dimasuki oleh tetamu lelaki manakala selang dan pintu dapur dimasuki tetamu perempuan.

Ciri-ciri senibina rumah melaka yang seterusnya selepas kedatangan islam adalah dimana saiz rumah dahulunya hampir sama dan tidak menunjukkan perbezaan yang besar disebabkan oleh konsep persamaan taraf. Selain itu, kedatangan islam telah menolak ajaran yang menggunakan bomoh dan pawang dalam memastikan rumah tersebut tahan lama. Begitu juga amalam animisme dan budaya hindu dihapuskan secara beransur ansur dan digantikan doa. Ciri seni bina terakhir menurut Fadlina Ahamad, Raja Nafida Raja Shahminan, FawazulKhair Ibrahim, Othman Mohd Nor (2012) di alam artikelnnya selepas kedatangan islam ialah ukiran yang berunsur fauna ditinggalkan secara beransur-ansur. ukiran berunsur fauna telah digantikan dengan kaligrafi arab serta ukiran flora yang boleh dilihat di gambar di bawah rumah milik Salmah bt Md. Johan.





**Rajah 2.2:** Ukiran Flora dan Kaligrafi Arab di Rumah Salmah bt Md.Johan

Sumber: Artikel (Pengaruh kedatangan islam terhadap senibina dan ornamentasi pada rumah tradisional Melaka)


Boby, imbardi (2018) menyatakan bahawa seni bina Melayu memiliki makna dan falsafahnya tersendiri mulai dari budaya kearifan lokal yang meliputi kehidupan masyarakat setempat, iaitu dari menentukan tapak dalam membangun rumah, bentuk dan susunan ruang di dalam serta luar, sehingga ke upacara menjaga kampung dan menjaga laut atau melestarikan laut. Seni bina melayu adalah satu bidang seni yang memerlukan kemahiran tinggi, daya kreativiti dan kerajinan luar biasa serta perlu mempunyai daya pengamatan yang tajam dan terperinci. Zulkifli Hanafi, Ahmad Zakiulfuad Yahya (2005) menerangkan bahawa reka bentuk istana kesultanan Melayu di rantau mencapai tahap keunggulan adalah disebabkan oleh kegigihan tukang-tukang Melayu zaman silam. Aspek penting di dalam seni bina juga dipengaruhi oleh penilaian dan pengamatan terhadap alam semula jadi, inspirasi dari flora dan fauna, integrasi berkaitan kebyuan dan manifestasi kepada budaya Melayu.

Dalam menghasilkan ciri binaan yang bukan sahaja sesuai dengan keadaan iklim setempat, tetapi juga tahap seni bina yang tinggi nilai memerlukan reka bentuk yang menggabungkan pertimbangan kemahiran tinggi, daya kreativiti dan kerajinan yang luar biasa serta daya pengamatan yang tajam dan terperinci (Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiiufuad Yahaya, 2005). Menurut Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad (2021) warisan seni bina rumah tradisional adalah bukti ketinggian pencapaian budaya dalam tamadun Melayu di mana ia mempunyai keunikan yang tersendiri di sebalik citra budaya yang tinggi nilai estetikanya, keindahan reka bentuk dan seni ukir

Mohamad Sohaimi Man (2017) menjelaskan bahawa jika mengikut dari perspektif perkembangan semasa kemajuan dan pembangunan sebagai sebuah negara moden khususnya di Malaysia, terdapat beberapa cabaran yang perlu dihadapi dalam usaha mengekalkan warisan budaya seni bina rumah tradisional Melayu yang mula terhakis arus permodenan, urbanisasi dan pemikiran moden dalam masyarakat Melayu kontemporari. Othman (2013) menerangkan bahawa komponen penting dalam rumah Melayu tradisional dengan mengklasifikasi struktur seni bina. Struktur yang terdapat dalam rumah Melayu tradisional ialah tangga, tiang, tiang, dinding, rasuk pintu, bumbung dan lain-lain. Menurut Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad (2021) setiap rumah tradisional mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri dimana ia mengambil kira faktor budaya iklim setempat, teduhan, pengudaraan, pencahayaan dan ciri-ciri asas yang lain. Reka bentuk rumah tradisional berbeza dan pelbagai mengikut kepada setiap negeri, wilayah dan subetnik.

Elemen reka bentuk yang pasif kepada matahari, reka bentuk domestik yang unggul terhadap iklim panas lembap yang mempunyai peneduh yang

cukup, bukaan yang banyak untuk aliran udara keluar masuk, susun atur dalaman terbuka, bertiang, ketinggian siling tinggi dan penggunaan bahan binaan ringan yang tidak memendapkan haba merupakan elemen yang dimiliki di rumah tradisional Melayu (Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad, 2021). Abdul Halim Nasir (1985) cara mengurangi kelembapan dari tanah dan memberi laluan peredaran udara keluar masuk adalah melalui reka bentuk gaya rumah yang berpanggung atau bertiang, berkolong dang lantai rumah tinggi dari permukaan tanah.




**Rajah 2.3:** Laluan Pengedaran Udara Keluar Masuk Rumah Melayu Tradisional

Sumber: Atikel (Cabaran Kesenambungan Warisan Seni Bina Rumah Tradisiona Melayu di Semenanjung Malaysia)

Umumnya dalam membina rumah Melayu tradisional ia banyak menggunakan falsafah seni bina Islam sebagai perlambangan kepada konsep kekuasaan tuhan (Muhamat Hamzah, 2014). Konsep Islam ini diterapkan direka bentuk rumah Melayu tradisional di mana kedudukan rumah menghala kearah



Timur-Barat. Hal ini bertujuan bagi memudahkan para tetamu untuk mengetahui arah kiblat bagi melakukan ibadat solat. Hal ini dapat kita lihat bahawa di dalam rekabentuk rumah Melayu tradisional orang melayu dahulu amat menitikberatkan keagamaan dalam semua perkara



**Rajah 2.4:** Struktur Rumah Melayu yang Menghadap Kiblat

Sumber: Artikel (Kearifan Tempatan dalam Seni Bina Rumah Tradisional

Melayu: Warisan Bernilai yang Dilupakan)

Menurut Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus, Mansor Surat (2016) bentuk bumbung di Negeri Sembilan yang melentik adalah pengaruh yang datang kemudian mengikut evolusi yang berlaku dalam pembentukan rumah tradisional ada masyarakat di Negeri Sembilan. Bentuk seni bina rumah Melayu tradisional dipengaruhi oleh faktor alam seperti iklim dan persekitaran yang membawa kepada kepada senibina bumbung yang condong, cucur atap yang lebar bagi tujuan pengaliran air hujan dengan cepat. Sistem penguaraan silang silang diterapkan dimana adanya bukaan pada lantai, dinding dan juga bumbung bag mengatasi masalah keselesaan terma (Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil

Yunus, Mansor Surat, 2016). Reka bentuk dan tipologi ini berlaku adalah disebabkan pengaruh dan budaya masyarakat setempat yang datang dari pelbagai unsur. Setiap struktur binaan yang dihasilkan mempunyai nilai dan falsafahnya yang tersendiri seiring dengan gaya hidup masyarakatnya.

Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus, Mansor Surat (2016) reka bentuk bumbung rumah tradisional Negeri Sembilan selian melentik kiri dan kanan sedikit, mempunyai dua kecerunan dan tebar layer di kedua-kedua hujung bumbung . Gaya reka bentuk ini dilihat berdasarkan rajah yang disertakan di bawah . Rumah bumbung Panjang merupakan warisan seni bina Melayu tradisional dan reka bentuk terawal.



**Rajah 2.5:** Reka bentuk Serambi Gaya dan Saiz Serambi

Sumber: Artikel (Reka bentuk Rumah Tradisional Negeri Sembilan

Dipengaruhi oleh Adat dan Kedaerahan

Reka bentuk rumah Melayu tradisional mungkin tidak begitu menonjol sebagaimana senibina moden yang mementingkan kemegahan tetapi reka

bentuknya cukup lengkap bagi menggambarkan corak kehidupan dan budaya masyarakat penghuninya (Mastor Surat, 2009). Zulkifli Hanafi (1996) menyifatkan bahawa rumah Melayu tradisional direka bentuk berdasarkan keperluan ruang, budaya, adaptasi terhadap iklim dan cuaca dengan penggunaan bahan binaan yang terdapat di sekelilingnya. Tangga, tiang, dinding rasuk, pintu, bumbung dan lain-lain merupakan komponen struktur seni bina yang penting di dalam rumah Melayu tradisional. Serambi atau boleh dikenali sebagai selasar di Terangganu dan sengkuaip di Melaka direkabentuk mempunyai multifungsi oleh masyarakat Melayu terdahulu dalam memenuhi keperluan budaya dan kehidupan seharian (Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad, Anita Ismail, 2021)

Chen, Ariffin Wang (2008) menerangkan bahawa serambi rumah Melayu berfungsi sebagai ruang menyambut dan meraikan tetamu, ruang makan keluarga, tempat beribadat dan ruang beristirahat bagi anak dan tetamu lelaki. Struktur asas seni bina rumah bumbung panjang pada asasnya mempunyai tiga komponen iaitu rumah ibu rumah tengah dan rumah dapur seperti rumah Melayu Tradisional Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Harian Metro (2016) menulis bahagian bahagian rumah ibu mempunyai ruang serambi beranda, anjung dan blik manakala rumah tengah pula adanya ruang rumah tangga, bilik dan ruang tengah (lalu) dan rumah dapur dijadikan sebagai tempat untuk memasak

Mashitah Sulaiman, Mohd Nazir Ahmad, Anita Ismail (2021) sifat ketara pada keseluruhan seni bina warisan Melayu, khususnya rumah kediaman sebelum adanya pengaruh luar ialah reka bentuk bumbungnya yang mempunyai dua kecerunan dan diakhiri dengan binaan tebar layer di kedua-dua belah hujung setiap modulnya. Masyarakat tempatan di Malaysia mempunyai kurang nilai

penghargaan terhadap warisan seni bina rumah-rumah Melayu dimana mereka kurang minat terhadap reka bentuknya yang dikatakan tidak tepat dengan cita rasa. Hal ini membawa kepada generasi muda kini jahil akan keunikan warisan seni bina tempatan

Pelan dan aktiviti yang berlaku di dalam ruang menyebabkan perkembangan dan pembesaran ruang rumah Melayu melalui status seseorang yang mana ia dipengaruhi oleh reka bentuk rumah Melayu dengan adat tempatan yang dilaksanakan (Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus, Mastor surat, 2016). Bumbung yang bergonjang atau reka bentuk bumbung panjang yang mempunyai lentik yang bervariasi telah dikenal pasti evolusinya pada rumah tradisional Negeri Sembilan. Keadaan Persekitaran, cara hidup, taraf ekonomi, keadaan iklim dan sebagainya yang dikenali sebagai kedaerahan adalah perkara yang telah dipengaruhi dalam reka bentuk rumah Melayu tradisional. Hal ini dapat dilihat di mana reka bentuk rumah tradisional Negeri Sembilan sedikit sebanyak ia dipengaruhi oleh rumah awal di Minangkabau. Seni bina masyarakat di Sembilan telah dipengaruhi oleh kedatangan perantau dari Sumatera dan membawa kepada mengaruh adat dan kedaerahan menjadikan terbentuknya indentiti yang unik dan tersendiri (Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus, Mastor Surat, 2016). Negeri sembilan telah mengalami perubahan dari segi reka bentuk di sebabkan oleh adat pepatih yang dibawa oleh masyarakat Minangkabau dari Sumatera. Sejarah budaya, sosial, dan juga kedaerahan sesuatu tempat tersebut merupakan faktor perubahan reka bentuk rumah tradisional.

Menurut Chen, Syed Iskandar dan Wang (2008) melalui kajian meneroka peraturan yang membentuk seni bina rumah Melayu dan variasinya

dari sudut spatial 3-Dimensi dan struktur pembinaan mendapati rumah Melayu tradisional mempunyai komposisi berdasarkan unit utamanya. Mashitah Sulaiman, Mohd Azhar Ahmad, Anita Ismail (2021) menjelaskan bahawa rumah melayu tradisinal Pulau Pinang mempunyai berlainan bentuk iaitu Rumah Bumbung Panjang, Rumah Serambi dan Rumah Serambi Gajah menyusu. Rumah tradisioanl Kelantan mendapat namanya berdasarkan rumah yang mempunyai 12 batang tiang iaitu Rumah Tiang Dua Belas (Wan Zailani, 2021). Rumah tradisional Terengganu mampu mengamit pelancong ke negeri tersebut melalui keunikan pada bumbung dan seni binanya (Sinar Harian, 2021). Menurut Wan Zailani (2021) Rumah Melaka didirikan dengan 12 hingga 16 batang tiang utama pada bangunan induk atau rumah ibu. Rumah ini dibahagi kepada tiga komponen iaitu rumah ibu, ruang tengah dan dapur. Tangga batu yang disalut dengan Jubin yang pelbagai warna sangat terkenal dengan rumah Melaka.



**Rajah 2.6:** Rumah Tradisional Melaka

Sumber: Artikel (Kearifan Tempatan dalam Seni Bina Rumah

Tradisional Melayu: Warsisan Bernilai yang dilupakan)

Generasi muda dan masyarakat melayu kini kurang memahami falsafah di sebalik warisan budaya Melayu di dalam pembinaan rumah melayu yang menyebabkan ia semakin terhakis (Fairuzah, Farahdina, Mujani, 2019; Kamarul Afizi & nik Luqman, 2007)

#### **2.4 Pemetaan Terhadap Bangunan**

Sudirman (2014) di dalam kajian *Pemetaan Rumah Tradisional Melayu Riau* menjelaskan tentang gambaran melalui peta (mapping) tentang bentuk arkitektur tradisional daerah Riau pada tiap-tiap tempat berdasarkan kepada sistem adat yang dianut oleh masyarakat. Pemetaan akan dibuat bagi menentukan titik lokasi dimana bangunan bersejarah tersebut berada dan dikenalpasti keadaannya saat ini (Teddy Hartawan, Eliza Ruwaidah, 2018).

Sudirman (2014) menjelaskan Riau secara geografinya berada pada kedudukan antara 1 darjah 15" garis lintang selatan dan 4 darjah 45" garis lintang utara atau antara 100 darjah 03" dan 109 darjah 19" garis bujur barat. Teddy Hartawan, Eliza Ruwaidah, (2018) berdasarkan dari hasil observasi lapangan yang dicatat di atas peta dasar, pemetaan bangunan bersejarah disusun atau ditetapkan. Peta dasar dibuat dengan mengambil foto udara oleh *google map*.





**Rajah 2.7:** Peta Rumah Adat Daerah Sungai Rokan Wilayah Riau

Sumber: Artikel (Pemetaan Rumah Tradisional Melayu Riau)

Menurut Sudirman (2014) peta rumah adat Daerah Sungai Rokan wilayah Riau Daerah Rokan Kiri memiliki bentuk seni bina Rumah tradisional atap lontik dengan banyak variasi. Selain itu Daerah Rokan Kanan memiliki bentuk rumah atap lipat pada masa lalu, tetapi lambat laun menjadi rumah atap limas. Di daerah Rokan Hilir, penduduk suku Sakai yang hidup di sana memakai rumah dengan atap lipat. Penelitian berusaha melukis bangunan bersejarah, memetakannya pada Kawasan Kota Tua Ampenan kemudian menggambarkan atau melukisnya sebagaimana adanya (Teddy Hartawan, Eliza Ruwaidah, 2018).



**Rajah 2.8:** Peta Rumah Adat Daerah Sungai Siak Wilayah Riau

Sumber: Artikel (Pemetaan Rumah Tradisional Melayu Riau)

Pusat kerajaan memiliki bentuk rumah atap lipat dan atap limas dimana ia merupakan dari Daerah Siak Sri, sementara itu Istana Assyaherah Hasyimiyah memiliki bentuk bergaya kolonial dengan tambahan kubah pada masa lalu (Sudirman, 2014). Peta dasar yang diperoleh dari data sekunder dari google map akan dibuat pemetaan bangunan bersejarah dengan menetapkan posisi bangunan bersejarah Teddy Hartawan, Eliza Ruwaidah, (2018)

Sudirman, (2014) menjelaskan bahawa Daerah Kampar Kanan memiliki dengan atap yang lentik. Bentuk rumah lentik ini didapati sampai ke daerah Danau Binkuang dan daerah Teratak Buluh. Yulianto Purwono Prihatmaji, Wahyu Adi p, Faisal Rahman (2013) menjelaskan kegiatan awal diawali dengan mengidentifikasi serta mengobservasi jumlah ketua keluarga di dusun Ngaglik melalui cara temubual kepada beberapa orang kampung.

## **2.5 Pemuliharaan Terhadap Bangunan**

Menurut Nur Nasiha, Shahariah Norain (2020) menjelaskan bahawa satu proses yang sangat penting untuk dijalankan terhadap struktur bangunan Istana Jahar ialah pendekatan pemuliharaan penyenggaraan dan penyesuaian semula. Md. Asrul Nasid Masrom, Zulhaida Abdul Kadir (2020) menjelaskan bahawa proses pertama iaitu penilaian awal dapat membantu dari segi maklumat pendokumentasian dan memahami reka bentuk bangunan hasil temubual berkaitan bangunan bersejarah Istana Lama Sri Menanti. Kajian kerosakan. Rosniza Aznie Che Rose, Nur Athirah Khalid (2017) pengurusan pemuliharaan bangunan warisan amat penting. Ianya perlu dilakukan oleh pihak berkepentingan yang bertanggungjawab dalam merancang, mengurus,



memulihara dan mengawal tapak warisan dunia supaya terus berada dalam keadaan yang baik.

Nur Sahira Binti Zainuddin, (2021) menjelaskan melalui kaedah pemerhatian, Masjid Lama Kampung Tuan telah mengalami beberapa perubahan penambahbaikan dari 2006 semenjak masjid ini diwartakan menjadi bangunan warisan iaitu penambahan *awning* dan *extension*. Bangunan warisan telah dipulihara dengan baik dari pendapat majoriti responden iaitu sebanyak 90 peratus. Mereka menyatakan bangunan warisan dalam keadaan baik dan ciri-ciri sejarah masih dikekalkan begitu juga tidak ada perubahan ketara dilakukan dan ianya dijaga dalam bentuk asal (Rosniza Aznie Che Rose, Nur Athirah Khalid, 2020). Proses kedua adalah kajian kerosakan lebih mendalam dan terperinci berbanding kajian penilaian awal dimana menurut Harun (2011, kajian kerosakan melibatkan ujian tapak dan ujian makmal dan lebih kepada menentukan kepada jenis bahan binaan dan kaedah yang digunakan untuk projek pemuliharaan bangunan bersejarah (Md. Asrul Nasid Masrom, Zulhaida Abdul Kadir, 2020). Nur Nasiha, Shahariah Norain (2020) menjelaskan bahawa kaedah yang paling berkesan untuk memulihara agar ia tidak terbiar tanpa penjagaan yang betul terhadap bangunan warisan ialah kaedah konservasi penyesuaigunaan dan penyenggaraan.

Kerja pemuliharaan dimulakan dengan kerja awalan seperti pembersihan tapak bangunan bersejarah selepas melakukan kajian berkaitan jenis kerosakan (Md. Asrul Nasid Masrom, Zulhaida Abdul Kadir, 2020). Kaedah pemuliharaan yang dilakukan bagi mengetahui warna cat asal adalah dengan mengikis lapisan cat, membuat skema (kod) lapisan warna dan membuat analisis kesepadanan dibuat dan seterusnya bangunan akan dicat dengan skema warna yang dipilih

(Rosniza Aznie Che Rose, Nur Athirah Khalid, 2020). JWN yang berpengalaman dalam bidang pertukangan kayu menggunakan kaedah 'jet' yang memberi sokongan pada struktur bangunan dan material dari kayu memandangkan keseluruhan pembinaan masjid menggunakan kayu cengal (Nur Shahira binti Zainuddin, 2021). Segala penambahbaikan dan penyelenggaraan haruslah meminta kebenaran kepada pihak MBPP selepas kawasan ini diwartakan pada 1 September 2016 (Rosniza Aznie Che Rose, Nur Athirah Khalid, 2020). Md. Asrul Nasid Masrom, Zulhaida Abdul Kadir (2020) menjelaskan projek baik pulih bangunan warisan mengalami kekurangan kontraktor. Projek baik pulih bangunan warisan selalu berskala kecil dan tidak memerlukan kontraktor yang banyak, tetapi bagi projek baik pulih bangunan warisan kita memerlukan kontraktor yang berpengalaman dalam bidang ini.

Sebelum kerja-kerja penyesuaigunaan semula dilakukan, pihak muzium dan pengurusan akan merekod ciri-ciri elemen asal dan keadaan struktur bangunan warisan Istana Jahar bagi memastikan tidak berlaku susut nilai pada keaslian bahan binaannya untuk kerja-kerja pemuliharaan dalam jangka masa yang panjang (Nur Nasiha, Shahariah Norain, 2020). Nur Nasiha, Shahariah Norain (2020) Setiap proses pemuliharaan penyenggaraan terhadap struktur bangunan akan dilakukan secara berkala. Pihak pengurusan muzium memastikan setiap struktur sentiasa berada dalam keadaan baik dan sentiasa berfungsi. Kesemua responden mempunyai pendapat yang selari yang mengatakan bahawa bahan binaan yang digunakan sepanjang pembinaan bangunan bersejarah haruslah dikaji dan penggantian bahan ganti haruslah bersesuaian dengan bangunan dan persekitaran merujuk kepada Jadual 2.9 (Md. Asrul Nasid Masrom, Zulhaida Abdul Kadir, 2020).

Responden	R1	R2	R3	R4
Masalah Kesukaran mendapatkan bahan ganti	/	/	/	/


**Rajah 2.9:** Masalah Kesukaran Mendapatkan Bahan Ganti

Sumber: Artikel ( Cabaran Dalam Pemuliharaan Bangunan Istana  
Lama Seri Menanti Di Negeri Sembilan)

Rosniza Aznie Che Rose, Nur Athirah Khalid (2017) menjelaskan melalui aspek penyelenggaraan menunjukkan pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tidak menjalankan penyelenggaraan kepada bangunan warisan. Pemuliharaan yang dijalankan keatas bangunan masjid ini adalah dari segi struktur asal rangka atap iaitu penggunaan bolt dan nat sebagai penambahan struktur sahaja dalam memberi sokongan (Nur Shahira binti Zainuddin, 2021). Bagi bangunan Istana Lama Sri Menanti, pemantauan akan dilakukan oleh Jabatan Warisan Negara, pihak Lembaga Muzium Negeri Sembilan, pihak konsultan, pihak kontraktor dan saya sendiri. Pemantauan yang berterusan dilakukan oleh pihak kami dan berkala dari pihak Jabatan Warisan Negara (Md. Asrul Nasid Masrom, Zulhaida Abdul Kadir, 2020). Sebelum menentukan kaedah pemuliharaan yang sesuai untuk diaplikasikan, pihak pengurusan muzium perlulah terlebih dahulu membuat pemeriksaan terhadap struktur yang mengalami kerosakan (Nur Nasiha, Shahariah Norain, 2020).

## 2.6 Kepentingan Pemuliharaan terhadap Bangunan

Mohamad Sohaimi, (2017) di dalam kajian terhadap kepentingan pemuliharaan dan penyelenggaraan rumah tradisional pada abad ini menjelaskan adalah untuk menimbulkan rasa cinta dan teruja terhadap khazanah warisan bangasa melayu itu sendiri. Nurfarah Nasuha, (2022) melalui kajian kepentingan pemuliharaan kompleks sejarah Matang di Perak menjelaskan bahawa faktor kerosakan yang terlibat dalam kompleks Sejarah Matang merupakan faktor ekstrusif yang mana merupakan tindakan mekanikal yang boleh dilihat di rajah di bawah.



**Rajah 2.10:** Senarai Faktor-Faktor Kerosakan yang Berlaku pada Kompleks Sejarah Matang


Sumber: Tesis (Kepentingan pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak)

Manusia merupakan salah satu gangguan terbesar pada bangunan warisan walaupun tanpa disedari . Gangguan ketara dilihat kerana kepentingannya kepada masyarakat suatu ketika dahulu (Nurfarah Nasuha, 2022). Akibat dari perubahan persekitaran bersama pembangunan yang kurang seimbang dan pengaruh politik yang berbeza akan menyebabkan berlaku aspek warisan Melayu yang kian terabai (Mohamad Sohaimi, 2017). Dapat dilihat dengan jelas keadaan berbeza dengan yang asal disebabkan kerana ia agak uzur dan tidak terjaga (Nurfarah Nasuha, 2022)

Mohamad Sohaimi, (2017) menjelaskan warisan berbentuk budaya iaitu sejarah peninggalan generasi terdahulu yang dipulihara pada masa sekarang iaitu artifak berbentuk objek seperti bangunan, kubur kampung dan seumpamanya adalah untuk tatapan sekarang dan manfaat generasi akan datang. Nurfarah Nasuha, (2022) menjelaskan bahawa di Malaysia teknik penjagaan bangunan yang khusus masih kurang serta tidak diaplikasikan dengan efektif ketika itu dan telah memberi kesan kepada senibina kompleks. Dalam menyokong memulihara warisan ketara dan tidak ketara di kedua bandar ini (Majlis Perbandaran dan majlis Perbandaran Pulau Pinang ia amat penting dalam pembabitan badan bukan kerajaan (NGO) dan penduduk tempatan (Mohamad Sohaimi, 2017). Rumah Ngah Ibrahim ketika itu berada dalam keadaan yang tidak terjaga disebabkan oleh ketidakprihatinan manusia dalam penyelenggaraan bangunan (Nurfarah Nasuha, 2022).

Mohamad Sohaimi, (2017) menjelaskan bahawa masyarakat dan individu juga mempunyai tanggungjawab bagi mengekalkan hak milik warisan yang masih ada di negara ini. Mohamad Sohaimi, (2017) menjelaskan kurang penyelidikan kerja-kerja penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Negara ini dikhuatiri kewujudan rumah tradisional Melayu yang mempunyai warisan senibina yang tinggi nilainya akan hilang ditelan zaman. Kaedah yang boleh digunapakai sebagai satu garis panduan untuk menjaga kepentingan warisan budaya terumata warisan sejarah yang dibina dari kayu ialah adanya satu kaedah dalam mengurus dan mengelenggara yang bersistematik akan menyebabkan pengabaian dan keterpinggiran rumah tradisional Melayu boleh dielakkan (Mohamad Sohaimi, 2017). Mohamad Sohaimi, (2017) kepupusan rumah tradisional Melayu berlaku ialah disebabkan tiada kesedaran oleh individu atau masyarakat setempat akan kepentingan warisan senibina Melayu lama. Salah satu kerosakan jelas pada bangunan muzium iaitu bumbung yang berlubang disebabkan oleh kelembapan seperti rajah di bawah (Nurfarah Nasuha, 2022).





**Rajah 2.11:** Keadaan pada Bahagian Bumbung yang Mengalami Kerosakan Disebabkan oleh Faktor Kelembapan

Sumber: Tesis (Kepentingan pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang di Perak)

## 2.7 Penutup

Kesimpulannya, berdasarkan dari sorotan kajian ini dapat diringkaskan pada segi pemahaman pengkaji cuba meyampaikan sorotan kajian mengikut objektif kajian. Hal ini dapat dilihat dimana sorotan kajian ini dibahagikan kepada beberapa topik, iaitu definisi rumah tradisional Melayu, senibina dan reka bentuk rumah tradisional Melayu, pemetaan terhadap bangunan. Pemuliharaan terhadap bangunan dan kepentingan pemuliharaan terhadap bangunan. Setiap subtopik ini dilakukan adalah bertujuan bagi memastikan pengkaji dapat memahami setiap perkara bagi kajian yang ingin dijalankan. Segala rujukan yang diperolehi ini kebanyakan daripada laman web, jurnal, artikel mahupun akhbar bagi mendapatkan subtopik sorotan kajian.



## **BAB 3**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pengenalan**

Di dalam bab ini pengkaji akan mengetengahkan metodologi kajian yang akan digunakan oleh pengkaji di dalam kajian ini. Metodologi ini adalah bertujuan memberikan penjelasan tentang kaedah yang digunakan keatas kajian. Menurut Ruhizan Yasin (2010), data yang baik diperoleh daripada penyelidikan yang dirancang rapi berdasarkan reka bentuk yang bersesuaian iaitu pendekatan yang digunakan dalam memperoleh data penyelidikan. Bahagian ini merangkumi beberapa subtopik iaitu reka bentuk kajian, instrumen kajian, prosedur kajian, prosuder pungutan data dan kaedah analisis data.

Bagi mendapatkan data yang baik, metodologi kajian itu perlulah sempurna dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Bahagian metodologi ini pengkaji akan menerangkan keadah yang akan digunakan ke atas kajian iaitu kajian berkenaan pemetaan rumah tradisional Melaka yang memberi kesan terhadap masyarakat di tiga kampung di kawasan Masjid Tanah.

### 3.2 Reka Bentuk Kajian

Menurut Ang Kean Huan, (2016) kajian penyelidikan yang menggunakan kuantitatif dan kualitatif akan melibatkan proses pengumpulan data. Reka bentuk atau kaedah kajian yang digunakan oleh pengkaji ini adalah sebagai satu garis panduan berkaitan kajian yang bakal dijalankan. Dalam mendapatkan maklumat dan data adalah di mana pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah kualitatif dipilih kerana kajian ini tertumpu kepada sesuatu daerah ataupun kawasan. Kaedah kuantitatif juga akan digunakan oleh pengkaji di mana pengkaji akan melakukan penyelidikan tinjauan.

### 3.3 Instrumen Kajian

Mayut, Morehouse, (1994) menjelaskan bahawa di dalam kajian kualitatif, penggunaan pelbagai kaedah instrumen data digunakan bertujuan mencapai tahap pemahaman terhadap responden yang lebih baik dan untuk meningkatkan kredibiliti dapatan kajian. Bagi mengumpul segala maklumat dan data yang diperlukan, instrumen kajian yang digunakan oleh pengkaji ialah menggunakan teknik pemerhatian. Selain itu juga pengkaji menggunakan aplikasi "Google Maps" berdasarkan kepada jumlah bilangan rumah tradisional. Setiap lokasi rumah tradisional ditanda (marking) dan dicatat koordinat yang sebenar lokasi tersebut secara terperinci dengan menggunakan aplikasi MyGPS Coordinate bagi tujuan pemetaan. Hal ini akan memudahkan pengkajian dalam membuat pemetaan berkaitan lokasi rumah tradisional yang terdapat di daerah tersebut. Seterusnya pengkaji akan

menggunakan kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik mengikut kepada objektif kajian.

Bil	Objektif Kajian	Metodologi Kajian	Jenis Istrumen
1	Mengenalpasti lokasi bilangan taburan Rumah Tradisional Melaka yang terdapat di 3 kampung kawasan Masjid Tanah	Pemerhatian	1) Penggunaan telefon bimbit: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Mengambil gambar</li> </ul> 2) Penggunaan kamera dari <i>Google Maps</i>
2	Mengkaji tipologi Rumah Tradisional Melaka yang terdapat di kampung kawasan Masjid Tanah	Pemerhatian	1) Menggunakan borang inventori
3	Mengkaji kepentingan pemeliharaan Rumah Tradisional Melaka sebagai khazanah negara	Membuat tinjauan	1) Menggunakan borang soal selidik: <ul style="list-style-type: none"> <li>● <i>Google Forms</i></li> </ul>

**Jadual 3.1:** Jenis instrumen yang digunakan dalam kajian

### 3.4 Pungutan Data

Kajian ini akan dimulakan dengan pemerhatian ke atas kawasan Masjid Tanah yang mempunyai rumah tradisional melayu Melaka. Terdapat dua kaedah di dalam pemerhatian ini iaitu pemerhatian secara turut serta atau tidak turut serta. Pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian turut serta di mana pengkaji akan melibatkan di kawasan kajian. Seterusnya, dari sudut

peyelidikan tinjauan pengkaji akan mencari responden bagi menjawab segala pertanyaan berkaitan objektif kajian.

### **3.5 Kaedah Analisis Data**

Data yang diperoleh oleh pengkaji akan dianalisis secara berperingkat. Segala kerja pemerhatian dan data bagi tujuan mengenal pasti kedudukan rumah dan pandangan akan diproses dan juga di analisis bagi mendapatkan apa yang dikehendaki dalam kajian. Proses analisis data ini akan dijalankan secara berterusan sepanjang aktiviti kajian dijalankan. Menurut Merriam (1998), menyatakan bahawa pengumpulan data dan penganalisan merupakan satu aktiviti yang dijalankan serentak dalam kajian kualitatif.

Bil	Objektif Kajian	Metodologi
1	Mengenalpasti lokasi bilangan taburan Rumah Tradisional Melaka di 3 kampung kawasan Masjid Tanah	Pemerhatian: 1. Di Kampung Solok Kemang, Kampung Londang dan Kampung Solok Air Kelulut 2. Menggunakan kamera dari <i>Google Maps</i> 3. Merakam video dan mengambil gambar di kawasan kajian.
2	Mengkaji tipologi Rumah Tradisional Melaka di 3 kampung kawasan Masjid Tanah	Pemerhatian (senarai semak): 1. Penggunaan borang inventori
3	Mengkaji kepentingan pemeliharaan Rumah Tradisional Melaka sebagai khazanah negara	Kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik: 1. Borang soal selidik ini akan diedarkan di sekitar kawasan kajian mengikut kepada jadual populasi Krejcie 8 Morgan (1970) 2. Mengandungi 2 bahagian: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Bahagian A: Maklumat responden</li> <li>● Bahagian B: Kepentingan pemeliharaan rumah tradisional Melaka sebagai khazanah negara.</li> </ul>

**Jadual 3.2:** Mengenalpasti Kaedah Kajian yang akan Dijalankan.

### 3.6 Penutup

Kesimpulannya, di dalam kajian ini dapat dilihat di mana pengkaji menggunakan beberapa kaedah. Kaedah yang digunakan di dalam kajian pengkaji ini ia lebih tertumpu kepada pemetaan rumah dan Persepsi serta pandangan terhadap rumah tradisional melayu Melaka. Jadi penggunaan kaedah kualitatif telah digunakan oleh pengkaji iaitu pemerhatian, soal selidik dan kajian literatur. Penggunaan metodologi yang sistematik oleh setiap pengkaji menjadikan apa yang ingin dipersembahkan di dalam kajian menjadi baik.

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pengenalan**

Dapatan kajian di dalam bab empat ini adalah dimana pengkaji akan membincangkan secara terperinci dan jelas mengenai hasil kajian bagi ketiga-tiga objektif. Dalam erti kata lain setiap kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji akan dirumuskan oleh pengkaji di sini. Bagi objektif kajian yang pertama adalah mengetahui lokasi bilangan taburan rumah tradisional Melayu Melaka yang terdapat di 3 kampung kawasan Masjid Tanah. Bagi mendapatkan maklumat berkenaan objektif satu ini pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian. Kaedah ini dilakukan dengan pengkaji pergi ke kawasan kajian yang terdapat rumah tradisional. Kaedah pemerhatian ini juga dibantu dengan penggunaan kamera dari google maps bagi mengetahui lokasi bagi setiap rumah tradisional.

Seterusnya, untuk objektif yang kedua pula adalah mengkaji tipologi rumah tradisional Melayu Melaka di 3 kampung kawasan Masjid Tanah. Kaedah yang sama juga digunakan juga oleh pengkaji dalam mendapatkan maklumat objektif kedua seperti objektif satu adalah menggunakan kaedah pemerhatian. Selepas mengetahui lokasi bagi setiap rumah tradisional yang terdapat di kawasan kajian, melalui kaedah pemerhatian ini pengkaji menggunakan borang inventori. Penggunaan borang ini bertujuan dalam tipologi bangunan bagi setiap rumah tradisional yang terdapat di kawasan kajian.



Objektif ketiga pula pengkaji akan mengkaji kepengtingan pemeliharaan rumah tradisional Melaka sebagai khazanah negara. Dalam mendapatkan maklumat ini pengkaji menggunakan kaedah pengumpulan data borang soal selidik dalam bentuk *google form*. Borang ini akan diedarkan berdasarkan daripada jadual Krejcie & Morgan (1970) iaitu 265 responden.

#### **4.2 Lokasi Bilangan Taburan Rumah Tradisional Melayu Melaka yang terdapat di 3 Kampung Kawasan Masjid Tanah**

Berdasarkan dari pemerhatian, pengkaji akan menggunakan *google maps* bagi menetapkan lokasi taburan rumah tradisional Melaka yang terdapat di kawasan kajian. Pengkaji akan menggunakan teknik pemerhatian dalam mendapatkan segala maklumat dan data untuk objektif ini. Teknik pemerhatian yang digunakan oleh pengkaji adalah pengkaji akan perlu ke kawasan kajian yang terpadat rumah tradisional Melayu Melaka untuk melakukan pemetaan lokasi. Seterusnya, pengkaji akan meletakkan lokasi taburan bagi setiap rumah di dalam peta. Setiap pemetaan lokasi ini akan Hasil dari pemerhatian di tempat kajian iaitu di tiga kampung kawasan Masjid Tanah. Hasil daripada pemerhatian didapati hanya terdapat 10 buah rumah tradisional Melayu Melaka oleh pengkaji. Pengkaji mendapati bahawa Kampung Solok Ayer Kelulut mempunyai rumah tradisional Melayu Melaka yang paling banyak iaitu sebanyak 6 buah rumah, manakala masing-masing untuk bagi Kampung Londang dan Solok Kemang mempunyai 2 buah rumah bagi setiap kampung. Perkara ini boleh Dirujuk pada jadual 4.1 berkaitan bilangan rumah tradisional mengikut kampung di pusat kajian.

Bil	Kampung	Bilangan Rumah
1	Solok Ayer Kelulut	6
2	Londang	2
3	Solok Kemang	2
Jumlah		10

**Jadual 4.1:** Bilangan Rumah Tradisional di 3 kampung kawasan

Masjid Tanah

### 4.2.1 Bilangan Taburan Kampung Solok Ayer Kelulut



**Rajah 4.1:** Lokasi Bilangan Taburan di Kampung Solok Ayer Kelulut

Sumber: Kajian Lapangan pada 13 November 2022

Bagi lokasi bilangan taburan untuk Kampung Solok Ayer Kelulut pengkaji akan menerangkan secara terperinci dimanakah lokasi setiap rumah itu. Seperti yang dilihat pada rajah di atas iaitu berkaitan dengan lokasi bagi setiap rumah tradisional Melayu Melaka, terdapat 6 buah rumah yang telah diperolah hasil dari pemerhatian di kawasan kajian. Pengkaji akan memberikan penerangan secara lebih terperinci berkaitan dengan lokasi bagi setiap rumah tradisional yang dijumpai di kampung in. Rumah tradisional yang pertama (RM1) yang terdapat di kampung ini berlokasi di Batu 18 3/4 Kampung londang 78300, Masjid Tanah Melaka. Rumah ini didiami oleh Mustafa bin Mahad. Ini merupakan lokasi dan pautan yang diambil dari *Google Maps* 2°21'02.7"N 102°05'54.0"E berserta dengan pautannya <https://goo.gl/maps/NKSbToSXA6DwnEqAA>. Gambaran yang lebih jelas dapat dilihat dari gambar rumah berserta lokasi yang terdapat berdasarkan dari rajah di atas. Rumah yang kedua (RM2) adalah beralamat di Jalan Ahmad teriang Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka. Rumah ini didiami oleh Husham bin Zakaria. Mengikut dari google maps ini adalah lokasi bagi rumah kedua yang didiami oleh Husham bin Zakaria 2°21'00.3"N 102°05'51.3"E bersama dengan pautannya <https://goo.gl/maps/XKapucdi1dRKYDr47>. Rumah Husham bin Zakaria ini perlu memasuki lorong Ahmad Teriang yang mana sama jalan dengan Rumah yang ketiga.

Rumah yang ketiga (RM3) yang terdapat pada kampung Solok Ayer Kelulut dimiliki oleh Putih bin Osman. Rumah ini terletak lorong Ahmad Teriang di No 202 batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka. Lokasi rumah ini menurut dari sumber google maps adalah 2°21'00.3"N 102°05'51.3"E dan ini merupakan pautannya <https://goo.gl/maps/F3TXgMi4ThB9fngM9>. Rumah milik Putih bin Osman ini yang mana beliau merupakan seorang warga emas berhadapan dengan rumah empat dan lima. Seterusnya, hasil dari pemerhatian yang dijalankan di kawasan kajian rumah


yang keempat (RM4) dimiliki oleh Nuresah binti Baba. Rumah ini bersebelahan dengan rumah yang kelima. Rumah ini terletak di Jalan Sidang Mohamad Othman iaitu no 356 batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka dan lokasi rumah yang diambil dari google maps ialah  $2^{\circ}21'01.8''N$   $102^{\circ}05'50.3''E$  dan ini merupakan pautannya <https://goo.gl/maps/W5FPT6Nzhx9i4xF18>. Menurut dari Nuresah binti Baba dia dan Pemilik rumah kelima mempunyai talian kekeluargaan iaitu mereka berdua merupakan adik beradik.

Rumah seterusnya yang telah ditemui di Kampung Solok Ayer Kelulut ini ialah rumah milik Mahmud bin Baba yang mana rumah yang ke lima (RM5). Rumah ini terletak di No 357 Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka.  $2^{\circ}21'01.8''N$   $102^{\circ}05'50.3''E$  merupakan lokasi yang diambil dari sumber google maps, ini adalah pautannya <https://goo.gl/maps/W5FPT6Nzhx9i4xF18>. Rumah tradisional yang terakhir yang terdapat pada tempat Kampung Solok Ayer Kelulut ialah milik Rahmat binti Mat (RM6). Rumah ini terletak di jalan delima iaitu No 152, 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka. Jika dilihat dari peta google maps rumah ini berada pada hujung kampung Solok Ayer Kelulut.  $2^{\circ}20'56.7''N$   $102^{\circ}05'43.1''E$  adalah lokasi dan ini merupakan pautan yang diambil dari laman web *Google Maps* <https://goo.gl/maps/cd6H6Yxb23o3CzPb9>.

MALAYSIA  
KELANTAN



### 4.2.2 Bilangan Taburan Kampung Londang



**Rajah 4.2:** Lokasi Bilangan Taburan Rumah Tradisional Melayu Melaka


Di Kampung Londang

Sumber: Kajian Lapangan pada 13 November 2022

Seterusnya kita beralih kepada lokasi kajian yang kedua iaitu Kampung Londang. Setelah melakukan pemerhatian di Kampung Londang pengkaji mendapati bahawa hanya terdapat dua buah rumah tradisional Melayu Melaka yang terdapat di sana. Rumah yang pertama yang terdapat di kampung ini terletak di Jalan Mak Ani Karim iaitu Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah, Melaka. Rumah ini didiami oleh Aisyah Binti Rashid iaitu kod bagi rumahnya RM7.  $2^{\circ}20'39.3''N$   $102^{\circ}05'41.0''E$  merupakan lokasi rumah Puan Aisyah yang diambil dari google maps berserta pautannya <https://goo.gl/maps/hPyfFgppS6Qy847S9>. Rumah tradisional Melayu Melaka yang kedua yang dijumpai pada Kampung londang ini didiami oleh Roshida binti Ahmad (RM8). Rumah ini terletak di Jalan wakaf baru iaitu Batu 19 3/4 Kampung Londang 783000 Masjid Tanah, Melaka.  $2^{\circ}20'38.3''N$   $102^{\circ}05'36.1''E$  adalah lokasi tepat yang diambil dari google maps dan pautannya adalah <https://goo.gl/maps/HE3WHXUXC9uSqkYH6> merupakan lokasi bagi rumah Puan Roshaida yang dapat dilihat dari peta google maps di atas.



### 4.2.3 Bilangan Taburan Kampung Solok Kemang



**Rajah 4.3:** Lokasi bilangan taburan rumah tradisional Melayu Melaka yang terdapat di Kampung Solok Kemang


Sumber: Kajian Lapangan pada 13 November 2022

Kampung yang terakhir dalam kawasan kajian di Masjid Tanah ini merupakan Kampung Solok Kemang. Pada kawasan ini pengkaji mendapati bahawa hanya terdapat dua buah rumah tradisional Melayu Melaka. Rumah pertama (RM9) yang terdapat di Kampung ini didiami oleh Maimunah binti Sehat. Rumah ini terletak berhadapan dengan jalan raya iaitu 657-B Batu 19 3/4 Kampung Londang 783000 Masjid Tanah, Melaka. Dalam mengenalpasti kedudukan yang lebih tepat bagi rumah ini, google maps telah digunakan dan  $2^{\circ}20'35.9''N$   $102^{\circ}05'31.0''E$  merupakan lokasi dan <https://goo.gl/maps/ncQyhMKXBQbS96A36> adalah pautannya. Rumah yang kedua dan yang terakhir (RM10) yang dijumpai di kawasan kajian ini adalah diduduki oleh Azri bin Mohamad. Rumah ini betul-betul berada di hujung Kampung Solok Kemang jika dilihat di dalam peta Kampung tersebut yang disediakan di atas. Lokasi rumah ini adalah Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka.  $2^{\circ}20'23.9''N$   $102^{\circ}05'23.7''E$  <https://goo.gl/maps/3hJpAr2qzM6cebmr9> merupakan lokasi dari segi perletakan rumah ini di dalam peta yang diambil dari google maps.

### **4.3 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka di 3 Kampung Kawasan Masjid Tanah**

Seiring dengan kaedah yang dilakukan ke atas objektif satu, objektif kedua ini pengkaji juga menggunakan kaedah pemerhatian dan juga dibantu menggunakan borang inventori. Borang inventori ini akan digunakan kepada kesemua sepuluh rumah tradisional Melayu Melaka yang di jumpai di kawasan kajian ini iaitu Kampung Solok Ayer Kelulut, Kampung Londang dan Kampung Solok Kemang. Borang Iventori ini akan mengandungi maklumat serta gambar berkaitan tipologi rumah tradisional Melayu Melaka. Pengkaji telah memecahkan hasil kajian bagi objektif kedua ini kepada beberapa subtopik. Setiap subtopik ini akan memberikan penerangan secara menyeluruh terhadap tipologi rumah satu hingga kesepuluh berdasarkan kepada borang inventori yang telah dilakukan di kawasan. Berikut merupakan hasil kajian bagi objektif kedua.

### 4.3.1 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka ( RM1)


Nama Pemilik	Mustafa bin Mahad (Rumah Bapak Mertua)	
Alamat	Batu 18 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah, Melaka	
Tahun Dibina	1940	
Jenis Bumbung	Bumbung panjang	
Kod Rumah	RM1	

#### Tipologi Rumah di Rumah Mustafa bin Mahad

Bumbung dan Kemasan Genting



Serambi



Ragam Hias



Tiang Pelapik



Tingkap




Dinding



Tangga



Pintu




**Rajah 4.4:** Borang Inventori bagi Rumah RM1( Mustafa bin Mahad)



Berdasarkan dari borang inventori hasil dari kutipan di tempat kajian, pengkaji seterusnya akan menghuraikan setiap tipologi bagi rumah ini. Rumah bagi Mustafa bin Mahad yang berkod RM1 ini, reka bentuk rumah adalah Rumah jenis Tradisional Melaka. Bagi rumah milik Mustafa ini ia menggunakan reka bentuk rumah tiang enam belas. Hal ini boleh dilihat dari serambinya yang mempunyai lapan tiang utama. Dari segi bumbungnya pula ia menggunakan bumbung jenis panjang dan lebar layar dan dari segi kemas genting pula, rumah ini menggunakan ardex. Seterusnya dari segi ruangan serambi pula, hanya sebahagian serambi sahaja ditutupi oleh dinding manakala sebahagian lagi tidak. Bagi bahagian yang tidak mempunyai dinding, terdapatnya jerejak di bahagian serambi. Jerejak ini juga terdapat di bahagian tingkat bagi tujuan pengudaraan. Dari sudut tangga pula, seperti yang semua tahu Melaka sangat terkenal dengan corak berwarna warni yang terdapat pada jubin tangga. Tangga pada rumah ini terdapat 9 anak tangga dan disertakan dengan pelbagai corak iaitu flora dan geometri di atas jubin. Dari sudut ragam hias pula, ia dapat dilihat di papan manis atau papan meleh iaitu motif corak flora awan larat. Dari sudut tingkap pula tingkap pada rumah ini menggunakan tingkap jenis bilah-bilah dan ia terdapat dua jenis penggunaan tingkap iaitu tingkap labuh dan tingkap singkat. Tingkap labuh ini terdapat pada bahagian serambi dan tingkap singkat ini terdapat pada bahagian rumah ibu. Rumah milik encik Mustafa ini jika dilihat dari rekabentuknya ia tidak mempunyai semua bahagian seperti mana rumah Melaka iaitu serambi, rumah Ibu, selang, rumah dapur dan pelantar. Rumah ini hantar terdapat dua bahagian sahaja iaitu serambi dan rumah ibu.

### 4.3.2 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM2)

Nama Pemilik	Husham bin Zakaria (Anak Sedara)	
Alamat	Jalan Ahmad Teriang, Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300, Masjid Tanah	
Tahun Dibina	1960	
Jenis Bumbung	Bumbung Panjang	
Kod Rumah	RM2	

#### Tipologi Rumah di Rumah Mustafa bin Mahad



**Rajah 4.5:** Borang Inventori bagi Rumah RM2 ( Husham bin Zakaria)

Bagi tipologi rumah yang kedua pula, ia merupakan rumah milik Husham bin Zakaria (RM2). Menurut dari penempat rumah itu, rumah ini merupakan milik Mak sedaranya. Rumah ini dikatakan telah berusia lebih 60 tahun. Rumah ini merupakan rumah yang mempunyai semua bahagian bagi reka bentuk Rumah Melayu Melaka, iaitu terdapat serambi, rumah ibu, selang, rumah dapur dan pelantar. Dari segi tiang utama pula rumah ini menggunakan jenis tiang enam belas. Rekaan jenis bumbung panjang digunakan seperti mana yang terdapat pada semua rumah tradisional melaka. Bumbung milik Encik Husham ini kemas gentingnya adalah diperbuat dari zink. Untuk sudut ruangan serambi pula, rumah ini adalah terbuka yang mana hanya dilengkapi dengan jerejak sahaja yang tidak mempunyai motif ukiran. Seterusnya, rumah ini juga sama seperti rumah RM1 yang mana mempunyai tingkap labuh dan singkat. Tingkap yang labuh pada rumah ini terdapatnya kekisidan jerejak dan ia terdapat pada bahagian rumah ibu dan rumah dapur, manakala untuk tingkap singkat pula ia dilengkapi dengan kekisi dan ia terdapat pada bahagian rumah ibu. Kedua-dua tingkap ini adalah bukaan ke luar dan ianya tidak mempunyai bilah-bilah ataupun kaca terapuk sebaliknya hanya kayu sahaja. Berlainan dengan keistimewaan rumah melayu Melaka yang menggunakan tangga simen yang dilengkapi dengan jubin, penggunaan kayu digunakan pada bahagian tangga rumah ini. Tangga rumah ini mempunyai lima anak tangga. Dari segi ragam hias pula, rumah ini terdapat motif ukiran pada bahagian papan manis atau papan meleh iaitu flora, tebar layar iaitu motif flora dan bahagian pintu iaitu geometri dan flora.



### 4.3.3 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM3)

Nama Pemilik	Putih binti Osman	
Alamat	No 202 Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka	
Tahun Dibina	1910	
Jenis Bumbung	Bumbung limas	
Kod Rumah	RM3	

Tipologi Rumah di Rumah Mustafa bin Mahad

Bumbung dan Kemasan Genting



Tiang Pelapik



Tangga



Dinding



Tingkap



Pintu



Ragam Hias




Anjung/ Serambi



**Rajah 4.6:** Borang Inventori bagi Rumah RM3 ( Putih bin Osman)

Tipologi bagi rumah tradisoanl Melayu Melaka yang ketiga di kawasan Kampung Solok Ayer Kelulut. Menurut dari pemilik rumah ini iaitu Putih binti Osman, rumahnya dianggarkan telah berusia lebih dari tahun 100. Hasil dari pemerhatian terhadap ini pengkaji mendapati bahawa reka bentuk rumah ini adalah rumah limas Melaka. Hal ini dapat dikenalpasti oleh pengkaji setelah melihat reka bentuk dan susun atur rumah milik Putih binti Osman. Rumah ini kenalpasti rumah Limas melaka kerana mempunyai anjung, rumah ibu ruang tengah, jambatan, dua bilik tidur dan ruang dapur. Bumbung rumah ini menggunakan reka bentuk bumbung limas yang berbeza rumah Melayu Melaka yang menggunakan bumbung panjang. Kemasan genting rumah limas melaka ini menggunakan kemasan daripada Ardex. Tidak seperti rumah Melayu Melaka, rumah Melaka Limas ini tidak mempunyai tebar layar. Beralih kepada bahagian tingkap rumah ini, penggunaan tingkap labuh digunakan di semua bahagian rumah. Tingkap labuh ini dilengkapi dengan kaca terapuk iaitu kaca yang berwarna hijau. Jika dilihat dari segi ragam hias pula. Rumah Puan Putih binti Osman ini tidak mempunyai banyak ukiran seperti mana yang terdapat pada rumah Melayu Melaka. Ragam hias yang dapat dilihat adalah motif ukiran flora iaitu terdapat pada papan manis atau papan meleh. Selain itu beralih pula kepada tangga, rumah ini menggunakan tangga simen yang berjubin akan tetapi tangga tersebut tidak mempunyai corak. anak tangga pada rumah ini mempunyai tujuh anak tangga. Tiang pelapik pada rumah limas ini tinggi sehingga bahagian rasuk rumah limas.

#### 4.3.4 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM4)

Nama Pemilik	Nuresah binti Baba	
Alamat	No 356 Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka	
Tahun Dibina	1940	
Jenis Bumbung	Bumbung Limas	
Kod Rumah	RM4	

Tipologi Rumah di Rumah Mustafa bin Mahad

Bumbung dan Kemasan Genting



Tiang Pelapik



Tangga



Anjung/ Serambi

Tingkap



Pintu



Ragam Hias



Dinding




**Rajah 4.7:** Borang Inventori bagi Rumah RM4( Nuresah binti Baba)



Seterusnya kita akan beralih kepada rumah bagi tipologi keempat iaitu rumah milik Puan Nuresah binti Baba. Menurut beliau, dikatakan rumah yang terletak di Kampung Solok Ayer Kelulut telah berusia 80 tahun. Melalui pemerhatian keatas rumah ini, reka bentuk rumah ini adalah rumah limas Melaka. Hal ini dapat dilihat dari segi reka bentuk bumbungnya iaitu jenis bumbung limas. Rumah limas Melaka milik Puan Nuresah masih mempunyai semua bahagian iaitu anjung, rumah ibu, ruang tengah, jambatan, ruang dapur dan dua bilik tidur (satu bilik tidur di bahagian rumah ibu dan satu lagi di bilik tidur). Tangga rumah ini diperbuat dari simen dan disalut dengan jubin. Bilangan anak tangga pada rumah ini terdapat tujuh anak tangga. Seterusnya pengkaji akan menerangkan berkaitan tingkap rumah ini. Tingkap rumah ini menggunakan tingkap jenis labuh dan bahagian tingkap ini dihiasi dengan kaca terapuk berwarna hijau. Untuk bahagian anjung pada rumah ini jika dibandingkan dengan rumah Melayu Melaka, ia ditutupi sepenuhnya dengan dinding. Anjung rumah Limas ini sedikit kecil jika dibandingkan rumah. Tiang pelapik rumah ini mempunyai ketinggian yang sama dengan rumah yang ketiga, dimana tiang pelapik sehingga bahagian rasuk rumah limas. Bahagian tangga rumah ini diperbuat dari simen yang bersalut jubin dan jumlah bilangan anak tangganya iaitu tujuh anak tangga. Akhir sekali, terdapatnya ragam hias pada papan meleh iaitu adanya motif flora.

### 4.3.5 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM5)

Nama Pemilik	Mahmud bin Baba	
Alamat	No 357 Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka	
Tahun Dibina	1940	
Jenis Bumbung	Bumbung Panjang	
Kod Rumah	RM5	

#### Tipologi Rumah di Rumah Mustafa bin Mahad

Bumbung dan Kemasan Genting



Tiang Pelapik



Tangga



Anjung/ Serambi



Tingkap



Pintu



Ragam Hias



Dinding



**Rajah 4.8:** Borang Inventori bagi Rumah RM5 (Mahmud bin Baba)

Seterusnya, pengkaji akan beralih kepada tipologi rumah milik Mahmud bin Baba. Rumah ini terletak di kampung Solok Ayer Kelulut. Rumah ini merupakan rumah tradisional Melaka tiang enam belas. Menurut dari pemilik rumah ini, usia rumah Melaka tiang enam belas ini berusia lebih dari 80 tahun. Selain itu, dari segi penggunaan jenis bumbung pula didapati rumah ini menggunakan bumbung panjang. Bumbung jenis pisang sesikat juga dapat dilihat iaitu pada bahagian beranda. Dari segi kemasan genting, penggunaan ardex digunakan keatas bumbungnya. Ruang rumah ini hanya tidak mempunyai pelantar, bahagian pelantar rumah ini digantikan dengan rumah batu. Hanya terdapat bahagian Serambi, rumah ibu, pelantar, rumah dapur. Bahagian serambi pada rumah ini tertutup sepenuhnya dengan dinding dan dilengkapi dengan cermin dan pintu. Untuk bahagian tingkap ia juga masih menggunakan dua jenis tingkap iaitu tingkap labuh iaitu pada bahagian rumah dapur dan serambi manakala tingkap singkat pula terdapat pada bahagian rumah ibu. Bahagian tingkap ini dilengkapi dengan kekisi dan jerejak. Seseengah tingkap pada rumah ini ada menggunakan tingkap kaca terapuk iaitu berwarna hijau. Seterusnya, rumah ini hanya menggunakan tanga kayu sahaja dan tidak menggunakan tangga jenis simen yang berjubin. Bilangan anak tangga yang terdapat pada rumah ini adalah lima anak tangga. Ragam hias pada rumah ini dapat dilihat pada empat bahagian iaitu di tebar layar, pintu, tingkap dan papan manis. Kesemua bahagian ini terdapatnya corak motif ukiran flora yang sama.



### 4.3.6 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM6)

Nama Pemilik	Rahman bin Mat	
Alamat	No 152, Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah, Melaka	
Tahun Dibina	1960	
Jenis Bumbung	Bumbung Panjang	
Kod Rumah	RM6	

#### Tipologi Rumah di Rumah Mustafa bin Mahad

Bumbung dan Kemasan Genting



Tiang Pelapik



Tangga



Anjung/ Serambi



Tingkap



Pintu



Ragam Hias



Dinding




**Rajah 4.9:** Borang Inventori bagi Rumah RM6 (Rahman bin Mat)



Rumah yang keenam ini merupakan rumah terakhir yang terdapat di kampung Solok Ayer Kelulut. Rumah ini didiami oleh Rahman bin Mat dan menurutnya rumah ini dibina kira-kira pada tahun 1960. Bahagian rumah ini banyak telah diubahsuai, hanya bahagian serambi, rumah ibu dan selang sahaja yang asli. Jika dilihat dari segi reka bentuk bumbungnya, bumbung jenis panjang digunakan dan ardex digunakan pada bumbung untuk kemasam genting. Selain itu, ruangan serambi bagi rumah ini adalah tertutup sepenuhnya dengan dinding dan dilengkapi pintu pada bahagian tengah dan tingkap di bahagian kiri dan kanan. Jika dilihat pada bahagian tingkapnya terdapat dua jenis tingkap iaitu tingkap labuh serta tingkap singkap. Tingkap labuh ini masih menggunakan kaca terapuk iaitu jenis kaca yang berwarna-warni dan tingkap ini terdapatnya jerejak dan kekisi. Bagi tingkap jenis singkap pula, rumah ini hanya menggunakan tingkap yang biasa sahaja yang terdapat kekisi pada tingga tersebut. Beralih pula kepada bahagian tangga milik Rahman bin Mat ini, tangga tersebut diperbuat daripada simen akan tetapi tidak dihiasi dengan jubin yang berwarna warna dan corak. Terdapat tujuh bilangan anak tangga pada rumah ini. Hasil dari pemerhatian pada rumah ini, ragam hias juga dapat dilihat di mana terdapatnya ukiran flora pada bahagian papan manis dan tebar layar.

### 4.3.7 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM7)

Nama Pemilik	Aisyah binti Rashid	
Alamat	Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka	
Tahun Dibina	1950	
Jenis Bumbung	Bumbung Panjang	
Kod Rumah	RM7	

Tipologi Rumah di Rumah Mustafa bin Mahad


Bumbung dan Kemasan Genting



Tiang Pelapik



Tangga



Anjung/ Serambi



Tingkap



Pintu



Ragam Hias



Dinding




**Rajah 4.10:** Borang Inventori bagi Rumah RM7 (Aisyah binti Rashid)

Rumah yang ketujuh bagi mengenapastil tipologi rumah tradisional Melayu Melaka merupakan milik Aisyah binti Rashid. Rumah yang berkod RM7 ini terletak di kampung Londang. Menurut Puan Aisyah rumah ini dikatakan telah berusia lebih dari 70 tahun. Hasil dari pemerhatian, hanya terdapat dua sahaja ruangan yang masih kekal iaitu serambi dan rumah ibu. Ruangan baru telah ditambah pada sebelah rumah ibu bagi menggantikan selang, rumah dapur dan pelantar. Beralih pula kepada bumbung, seperti bumbung rumah Melaka yang lain rumah ini juga menggunakan bumbung jenis panjang. Kemasan yang digunakan ke atas bumbung ini adalah menggunakan zink. Bahagian serambi rumah ini mempunyai satu bahagian yang tertutup dan satu bahagian lagi terbuka dan hanya dikemasi dengan jerejak. Untuk bahagian tangga, penggunaan kayu digunakan dan anak tangganya mempunyai 4 bilangan anak tangga. Rumah melaka ini berlainan sedikit dengan kebanyakan rumah Melaka dimana kebanyakan rumah Melaka menggunakan tangga yang berjubin dan anak tangganya ganjil. Dari sudut reka bentuk tingkapnya pula, tingkap ini merupakan jenis singkat dan ia hanya menggunakan kaca jenis biasa sahaja. Akan tetapi dilihat terdapatnya kaca terapuk pada bahagian atas tingkap. Terlihat banyak juga ragam hias di rumah puan Aisyah, ragam hias ini dapat dilihat pada papan manis iaitu motif flora awan larat. Motif awan larat ini juga dapat dilihat pada bahagian pintu masuk atas di bahagian serambi.



### 4.3.8 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM8)

Nama Pemilik	Roshaida binti Ahmad	
Alamat	Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka	
Tahun Dibina	1950	
Jenis Bumbung	Bumbung Panjang	
Kod Rumah	RM8	

Tipologi Rumah di Rumah Mustafa bin Mahad

Bumbung dan Kemasan Genting




Tiang Pelapik



Tangga




Anjung/ Serambi



Tingkap



Pintu



Ragam Hias



Dinding




**Rajah 4.11:** Borang Inventori bagi Rumah RM8 (Roshaida binti Ahmad)

Rumah bagi kajian tipologi yang seterusnya juga terletak di Kampung Londang. Pemilik rumah ini adalah Puan Roshaida binti Ahmad (RM8). Menurut beliau, rumah miliknya ini telah berusia lebih dari 70 tahun. Jika dilihat dari segi tiang utama yang terdapat pada serambi, rumah tradisional Melayu Melaka ini merupakan rumah jenis tiang enam belas. Dari segi ruangnya pula, terdapat dua sahaja bahagian yang tinggal iaitu serambi serta rumah ibu. Bumbung rumah ini adalah dari jenis bumbung manakala kemasan gentiangnya pula adalah dari ardex. Seterusnya untuk tipologi bagi rumah Puan Roshaida, bagi bahagian serambi pula ia telah tutup sepenuhnya oleh dinding. Rumah ini tidak menampakkan sebarang jerejak tidak kira di serambi mahupun pada tingkap. Tingkap singkat telah digunakan pada setiap bahagian iaitu serambi dan rumah ibu. Tingkap singkat ini telah menggunakan kaca jenis biasa sahaja akan tetapi terdapatnya penggunaan kaca terapuk di atas tingkap singkat tersebut. Tangga pada rumah ini pula diperbuat daripada simen dan disaluti oleh jubin yang mempunyai motif. Tangga ini mempunyai lima bilangan anak tangga. Pengkaji telah memperolehi dua ragam hias pada rumah ini iaitu terdapat motif ukiran corak flora jenis tebar layar pada papan manis dan tebar layar. Akhir sekali ragam hias ini dapat dilihat pada corak jubin tangga dimana terdapatnya motif geometri dan flora.



### 4.3.9 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM9)

Nama Pemilik	Maimunah binti Sehat	
Alamat	657 Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Masjid Tanah Melaka	
Tahun Dibina	1920	
Jenis Bumbung	Bumbung Panjang	
Kod Rumah	RM9	

#### Tipologi Rumah di Rumah Mustafa bin Mahad


Bumbung dan Kemasan Genting



Tiang Pelapik



Tangga



Anjung/ Serambi



Tingkap



Pintu



Ragam Hias



Dinding




**Rajah 4.12:** Borang Inventori bagi Rumah RM9 ( Maimunah binti Sehat)

Rumah yang seterusnya ialah rumah yang terletak pada Kampung Solok Kemang. Rumah ini didiami oleh Maimunah binti Sehat dan menurutnya rumah beliau telah berusia lebih 100 tahun. Rumah ini merupakan rumah yang mempunyai anjung, serambi dan rumah ibu. Dari segi tiang utama pula rumah ini menggunakan jenis tiang enam belas. Rekaan jenis bumbung panjang digunakan seperti mana yang terdapat terdapat pada rumah tradisional. Tambahan pula, dapat dilihat bumbung jenis limas pada bahagian anjung rumah. Bumbung milik puan Maimunah ini kemas gentingnya adalah diperbuat dari Ardex. Untuk sudut ruangan serambi dan anjung pula, rumah ini ditutupi oleh dinding dan pada bahagian dinding terdapatnya pintu dan tingkap. Seterusnya dari sudut tangga pula, tangga simen digunakan pada rumah ini dan terdapat tujuh bilangan anak tangga dapat dilihat. Rumah RM9 juga sama seperti kebanyakan rumah Melaka dimana terdapat tingkap labuh dan tingkap singkap. Kedua-dua tingkap ini terdapat jerejak dan kekisi. Tingkap rumah ini menggunakan kaca terapuk yang berwarna hijau dan kaca terapuk ini juga dapat dilihat pada atas tingkap tersebut. Dari segi ragam hias pula, rumah ini terdapat beberapa motif ukiran, iaitu pada bahagian papan manis atau papan meleh iaitu flora awan larat. Motif ukiran ini juga dapat dilihat pada tebar layar yang mana terlihat motif kosmos dan flora.



#### 4.3.10 Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka (RM10)

Nama Pemilik	Azri bin Mohamad	
Alamat	Batu 19 3/4 Kampung Londang 78300 Majid Tanah Melaka	
Tahun Dibina	1930	
Jenis Bumbung	Bumbung Panjang	
Kod Rumah	RM10	

#### Tipologi Rumah di Rumah Azri bin Mohamad

Bumbung dan Kemasan Genting



Tiang Pelapik



Tangga



Anjung/ Serambi



Dinding



Tingkap



Ragam Hias



Pintu

**Rajah 4.13:** Borang Inventori bagi Rumah RM10 ( Azri bin Mohamad)

Rumah terakhir kajian tipologi ini adalah milik Azri bin Mohamad. Rumah ini terletak di Kampung Solok Kemang dan dikatakan rumah ini telah berusia lebih 90 tahun. Rumah tradisional Melayu Melaka ini jika merupakan rumah tiang enam belas. Hal ini dikatakan sedemikian kerana terdapat lapan tiang utama pada bahagian serambi yang menandakan bahawa rumah merupakan rumah tiang enam belas. Selain daripada itu, reka bentuk bumbung rumah ini jika dilihat ia menggunakan reka bentuk bumbung panjang dan jenis bumbung pisang sesikat. Juga dapat di. Seterusnya kita akan beralih kepada susun atur ruang rumah Encik Azri ini di mana rumah ini hanya terdapat dua bahagian daripada lima bahagian iaitu serambi dan rumah ibu. Bahagian serambi merupakan bahagian utama yang terdapat pada rumah Melaka. Ruangan serambi pada rumah kajian ini adalah bersifat terbuka yang mana hanya terdapat jerejak kayu yang memangjang sahaja. Seterusnya bahagian tingkap rumah ini mempunyai dua jenis iaitu tingkap labuh dan tingkap singkap. Tingkap labuh yang dimasukkan itu terdapat pada bahagian ruangan serambi dan tingkap ini menggunakan jerejak dan kaca terapuk berwarna hijau. Selain itu, tingkap singkap pula dapat dilihat pada bahagian rumah ibu. Hal ini dikatakan sedikit kerana penggunaan tingkap ini adalah bertujuan menjaga batasan aurat untuk kaum wanita. Dari segi reka bentuk tangganya pula, penggunaan simen digunakan untuk tangga dan tangga ini dilengkapi oleh jubin yang mempunyai pelbagai warna dan corak. Jumlah bilangan anak tangga untuk rumah ini adalah tujuh bertepatan dengan kebanyakan rumah tradisional Melaka yang menggunakan nombor ganjil pada tangga. Akhir sekali, pengkaji akan menerangkan berkaitan dengan ragam hias pada rumah ini. Terdapatnya ragam hias pada bahagian papan manis dan tebar layar rumah ini yang bermotifkan corak ukiran flora. Corak flora juga dapat dilihat pada angka jubin rumah Azri bin Mohamad.


#### **4.3.11 Jenis Tipologi Rumah Tradisional Melayu Melaka Yang Terdapat di Kampung Solok Ayer Kelulut, Kampung Londang dan Kampung Solok Kemang**

Melalui dari pemerhatian yang dilakukan dan juga penggunaan borang inventori ini, pengkaji telah menemui 10 bilangan rumah tradisional Melayu Melaka. Setiap rumah ini telah diterangkan secara terperinci berkaitan dengan tipologi bagi setiap satu rumah itu. Setiap rumah tersebut mempunyai keunikan yang tersendiri tidak kira dari segi ukiran, jenis tingkap, tangga dan lain- lain lagi. Namun, apa yang ingin dibincangkan oleh pengkaji pada bahagian ini adalah berkaitan dengan jenis-jenis rumah tradisional Melayu Melaka. Pengkaji mendapati bahawa hasil daripada 10 rumah tradisional Melayu Melaka yang ditemui di kawasan kajian terdapat 2 jenis tipologi yang boleh dikatogerikan.

Jenis tipologi yang pertama adalah jenis rumah tradisional Melayu Melaka. Daripada 10 buah rumah di tempat kajian, terdapat 8 buah rumah bagi jenis rumah tradisional Melayu Melaka. Seterusnya jenis tipologi bagi rumah tradisional yang kedua adalah jenis rumah tradisional Limas Melaka. Jenis rumah tradisional Limas Melaka ini hanya terdapat 2 buah sahaja di kawasan kajiaan Masjid Tanah. Oleh hal yang sedemikian, pengkaji akan menjelaskan berkaitan perbezaan jenis tipologi rumah tradisional Melaka dan rumah tradisional Limas Melaka. Perbezaan dari segi tipologi ini bertujuan untuk memberikan penjelasan bahawa terdapatnya dua jenis rumah tradisional Melaka yang terdapat di kawasan kajian iaitu masjid tanah.

Tipologi yang pertama yang akan diterangkan oleh pengkaji ialah rumah jenis tradisional Melayu Melaka. Seperti yang dibincangkan pada bahagian awal, terdapat 8 buah rumah telah dijumpai oleh pengkaji di kawasan kajian yang mana boleh dikatogerikan dibawah tipologi tradisional rumah Melayu Melaka. Oleh hal yang

sedemikian, pengkaji akan memberikan penerangan bagaimana sebuah rumah tradisional boleh dikategorikan sebagai rumah tradisional Melayu Melaka. Setiap rumah tradisional yang terdapat di Malaysia mempunyai keunikan dari segi reka bentuknya begitu juga dengan rumah Melaka.



**Rajah 4.14:** Pelan lantai Rumah Tradisional Melaka


Sumber: Lakaran AutoCAD pelan lantai Rumah Tradisional Melaka

Berdasarkan kepada rajah di atas, rajah ini akan menunjukkan susun atur bagi rumah Melaka. Secara umumnya rumah tradisional Melaka ini mempunyai dua jenis iaitu tiang 12 dan tiang 16. Di tempat kajian, rumah tradisional Melaka yang diperoleh menggunakan tiang 16. Rumah melaka ini boleh dibahagikan kepada lima bahagian iaitu ruang serambi, rumah ibu, selang, rumah dapur dan pelantar. Akan tetapi, waktu sekarang sukar untuk melihat keseluruhan ruang bagi rumah melaka ini. Dari segi reka bentuk bumbung rumah Melaka ini ia menggunakan bumbung jenis bumbung panjang. Bumbung rumah melaka ini dahulunya menggunakan atap nipah, namun sekarang ia digantikan dengan penggunaan ardex dan zink. Bumbung rumah tradisional Melaka adalah bersifat curam dan tinggi. Keceruman bumbung rumah Melayu Melaka ini kebiasaannya adalah 31 dan 57 darjah. Rumah Melaka mempunyai tebar layar yang



membenarkan pengudaraan di dalam rumah. Bahagian tebar layar ini akan dihiasi ukiran yang sederhana iaitu bermotifkan bunga.

Ciri paling ketara yang menunjukkan ia sebuah rumah melayu melaka adalah dari segi tangganya yang diperbuat simen dan disaluti dengan jubin yang mempunyai pelbagai corak dan warna. Kebiasaanya tangga rumah melaka ini menggunakan bilangan yang ganjil iaitu 3, 5, 7 dan 9 anak tangga. Untuk bahagian tingkap pula, rumah Melayu Melaka menggunakan tingkap dua jenis iaitu tingkap labuh dan tingkap singkat. Tingkap labuh ini kebiasaanya terdapat pada bahagian ruangan serambi dan rumah dapur manakala tingkap singkat pula terdapat pada rumah ini. Tingkap singkat ini bertujuan bagi menjaga aurat kaum wanita. Tingkap rumah Melayu Melaka ini kebiasaanya menggunakan kaca terapuk yang dilengkapi kekisi dan jerejak. Beralif pula ragam hias yang terdapat pada rumah Melayu Melaka ini, ragam hias ini terletak pada tangga, papan meleh, tebar layar dan jerejak. Motif ukiran yang biasanya terdapat pada rumah Melayu Melaka ini adalah bermotifkan flora, geometri dan kosmos.



**Rajah 4.15:** Pelan Lantai Rumah Limas Melaka

Sumber: Lakaran AutoCad pelan lantai Rumah Limas Melaka

Seterusnya, pengkaji pula akan beralih kepada jenis tipologi rumah tradisional Melaka yang kedua iaitu Rumah Limas Melaka. Daripada 10 buah rumah tradisional


yang dijumpai hanya terdapat 2 buah rumah yang mempunyai tipologi rumah Limas Melaka. Rajah 4. 16 di atas bukan merupakan rumah Limas Melaka sebaliknya rumah Limas Muar. Perbezaan rumah Limas Muar dan rumah Limas Melaka ini adalah rumah Limas Melaka tidak mempunyai serambi. Rumah Limas Melaka ini dari segi susun atur ruangnya bermula dengan anjung, rumah ibu, ruang tengah, bilik tidur, jambatan, ruang dapur dan bilik tidur.

Dari segi reka bentuk bumbungnya, bumbung limas digunakan dan beratapkan dengan ardex pada zaman sekarang. Bumbung rumah Limas Melaka adalah rendah dan lebih kecil dan iainya tidak securam seperti rumah Melayu Melaka. Dari segi penggunaan tingkap pula rumah Limas Melaka ini hanya menggunakan satu jenis tingkah sahaja iaitu tingkap jenis labuh yang mempunyai kaca terapuk. Tiang pelapik rumah Limas Melaka ini sedikit berbeza dengan rumah Melayu Melaka di mana tiang pelapiknya tinggi sehingga bahagian rasuk. Disamping itu, ragam hias tidak banyak dilihat pada tipologi rumah ini. Ragam hias pada rumah Limas Melaka ini hanya terdapat pada bahagian papan manis. Motif ukiran yang diumpai digunakan pada rumah tersebut kebiasaanya adalah motif flora

#### 4.4 Analisis Demografi Responden

Bahagian analisis demografi responden ini akan dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu demografi berdasarkan jantina, umur dan pekerjaan

##### 4.4.1 Demografi Responden Berdasarkan Jantina




**Rajah 4.16:** Peratus Responden Berdasarkan Jantina

Berdasarkan kepada rajah 4.17, berdasarkan dari jumlah keseluruhan responden iaitu 265 didapati bahawa jumlah perempuan lebih ramai dari jumlah lelaki. Jumlah bilangan responden lelaki adalah 117 orang iaitu mewakili 44% manakala 148 orang bagi jumlah responden perempuan yang mewakili 56%.




#### 4.4.2 Demografi Responden Berdasarkan Umur



**Rajah 4.17:** Peratus Responden Berdasarkan Umur

Rajah 4.17, menjelaskan jumlah lingkungan umur bagi setiap responden. Golongan umur dari 21-30 tahun mempunyai bilangan responden yang paling tinggi iaitu sebanyak 136 orang iaitu sebanyak 51%. Seterusnya, jumlah kedua yang tertinggi dalam lingkungan umur ini adalah dari golongan berusia 31 hingga 40 tahun. Peratusan bagi lingkungan umur ini adalah sebanyak 20%. Selain daripada itu dari dilihat bahawa terdapat sebanyak 35 orang responden bersamaan 13% merupakan berumur antara 41-50 tahun. Disamping itu, bagi kategori responden yang berumur 51 tahun ke atas jumlah responden yang diperoleh tidak terlalu banyak iaitu 26 orang iaitu bersamaan dengan 10%. Responden yang paling sedikit dalam menjawab kepada kajian ini dari responden yang berumur 20 tahun ke bawah dengan mempunyai 16 orang responden yang membawa kepada peratusan sebanyak 6%. Hal ini dapat disimpulkan bahawa golongan berusia dari umur 21-30 tahun ini amat membantu pengkaji dalam menjawab kepada objektid kajian ketiga ini.

#### 4.4.3 Demografi Responden Berdasarkan Pekerjaan



**Rajah 4.18:** Peratus Responden Berdasarkan Perkerjaan

Melalui rajah 4.19, golongan pelajar merupakan golongan yang mempunyai jumlah responden yang tinggi iaitu seramai 126 orang yang mana ia mewakili 48 %. Seterusnya, jumlah responden kedua tertinggi adalah dari golongan yang tidak bekerja dengan mempunyai 54 orang yang mewakili 20 %. Selain daripada itu jumlah responden ini diikuti dengan mempunyai sebanyak 32 orang (12%) yang mana responden ini merupakan dari kakitangan kerajaan. Responden dari kakitangan swasta pula mengumpulkan sebanyak 31 yang mewakili perastusan sebanyak 12%. Akhir sekali dengan jumlah responden paling sedikit adalah dari golongan yang berkerja sendiri dengan mempunyai sebanyak 22 orang iaitu bersamaan dengan 8 %.

#### 4.5: Kepentingan Pemeliharaan Rumah Tradisional Melaka sebagai Khazanah Negara


Pada bahagian ini pengkaji akan menggunakan skala Likert iaitu skala 1 hingga 5 bagi mewakili setiap nombor seperti yang dinyatakan dibawah. Hal ini dapat dilihat dimana skala 1 ia merujuk kepada sangat tidak setuju dan skala 2 merujuk kepada tidak setuju. Seterusnya, untuk tidak pasti pula ia menggunakan skala 3 manakala skala 4 mewakili setuju dan yang terakhir skala 5 mewakili sangat setuju.

Bil.	Penyataan	STS	TS	TP	S	SS
1	Rumah tradisional penting dalam mengekalkan identiti negara.	-	-	7	26	232
2	Rumah tradisional penting untuk dijadikan sebagai satu sumber penyelidikan dan pendidikan.	11	-	1	21	232
3	Rumah tradisional penting untuk dijadikan sebagai salah satu bukti kukuh kepada sesuatu era atau sejarah.	-	-	1	23	241
4	Rumah tradisional penting untuk dijadikan salah satu tarikan pelancong domestik mahupun antarabangsa.	13	-	22	24	206
5	Rumah tradisional penting bagi mengekalkan ni seni bina dan estetika.	-	-	13	20	232

6	Rumah tradisional yang sedia ada penting dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda.	52	1	7	22	183
7	Rumah tradisional penting untuk dijadikan sebagai tempat penggunaan semula infrastruktur.	48	3	8	26	180
8	Rumah tradisional penting untuk dijadikan sebagai salah satu pencapaian dari sudut saintifik	13	1	19	32	200
9	Rumah tradisional penting untuk mengekalkan prinsip dan falsafah yang terdapat pada rumah Melaka	36	-	3	30	206
10	Rumah tradisional Melaka penting untuk mempamerkan kepelbagaian reka bentuk yang terdapat di Malaysia	7	-	3	22	233
Jumlah		180	4	84	246	2145

**Jadual 4.2:** Jumlah Keseluruhan Responden Menjawab Soal Selidik Kepentingan Pemeliharaan Rumah Tradisional Sebagai Khazanah negara


#### 4.5.1 Rumah Tradisional Penting dalam Mengekalkan identiti Negara.



**Rajah 4.19:** Graf Responden Rumah Tradisional Penting dalam Mengekalkan Identiti Negara

Rajah 4.19 menunjukkan graf responden berkaitan soalan 1 iaitu rumah tradisional penting dalam mengekalkan identiti negara. Hasil daripada itu, didapati sebanyak 232 orang sangat bersetuju dengan pernyataan soalan yang dikemukakan di atas. Perkara tersebut menunjukkan bahawa responden memahami rumah tradisional merupakan salah satu bangunan warisan yang dapat mengekalkan identiti negara. Rumah tradisional dapat mengekalkan identiti negara kerana rumah ini merupakan warisan yang diturunkan dari masyarakat dahulu. Selain itu, seramai 26 responden yang bersetujuan dengan kenyataan ini. Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa seramai 7 responden tidak pasti adakah dengan memelihara rumah tradisional ini ia membawa kepada pengekaln identiti negara.

#### 4.5.2: Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan sebagai Satu Sumber Penyelidikan dan Pendidikan



**Rajah 4.20:** Graf Responden Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan sebagai Satu Sumber Penyelidikan dan Pendidikan


Berdasarkan kepada Rajah 4.21, seramai 232 responden daripada jumlah keseluruhan iaitu 265 bersetuju bahawa Pemeliharaan rumah tradisional dapat dijadikan sebagai sumber penyelidikan serta pendidikan. Ini menunjukkan bahawa responden memahami rumah tradisional ini banyak memberikan ilmu dari pelbagai sudut. Terdapat pelbagai bentuk kajian lepas terhadap rumah tradisional ini dan rumah tradisional juga banyak dipelajari di dalam pembelajaran kerana ini mempunyai banyak perkara yang boleh dibincangkan. Seterusnya, seramai 21 responden bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa responden ini mempunyai daya pemahaman yang lebih kurang sama dengan responden yang sangat setuju.

Selain itu, jumlah bilangan bagi responden yang tidak pasti adalah hanya 1 sahaja. Responden masih mempunyai pemikiran yang samar-samar adakah kenyataan tersebut



adalah betul ataupun tidak. Akhir sekali, dapat direkodkan dimana jumlah responden sangat tidak setuju seramai 11. Hal ini berlaku kerana responden tersebut tidak tahu bahawa rumah tradisional ini mempunyai banyak perkara yang boleh dilakukan kajian serta ilmu pendidikan.

#### 4.5.3: Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan sebagai Salah Satu Bukti Kukuh kepada Sesuatu Era atau Sejarah




**Rajah 4.21:** Graf Responden Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan sebagai Salah Satu Bukti Kukuh kepada Sesuatu Era atau Sejarah

Melalui Rajah 4.22, jumlah responden yang memilih sangat setuju adalah seramai 241 terhadap pernyataan pemeliharaan rumah tradisional penting untuk dijadikan sebagai salah satu bukti kukuh kepada sesuatu era atau sejarah. Hal ini menunjukkan responden memahami dimana sesuatu rumah tersebut sangat penting untuk dipelihara kerana ia boleh jadi bukti penting kepada sesuatu sejarah di negara. Selain daripada itu seramai 23 orang responden yang bersetujuan dengan pentayaan

yang dikemukakan di atas. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa responden mempunyai pengetahuan pemeliharaan rumah tradisional dapat menjadi satu bukti kukuh kepada suatu era atau sejarah. Akhir sekali, didapati hanya seramai 1 responden sahaja yang tidak pasti terhadap pernyataan ini.

#### 4.5.4: Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan Salah Satu Tarikan Pelancong Domestik Mahupun Antarabangsa



**Rajah 4.22:** Graf Responden Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan Salah Satu Tarikan Pelancong Domestik Mahupun Antarabangsa

Berdasarkan Rajah 4.23, sebanyak 206 jumlah responden yang mengatakan sangat setuju dengan pernyataan solalan pemeliharaan rumah tradisional ini membawa kepada tarikan pelancong tidak kira domestik mahupun antarabangsa. Hal ini menunjukkan bahawa respondenn tersebut faham bahawa pemeliharaan rumah tradisional ini dapat menarik pelancong luar untuk melawat ke tempat ini. Sebagai contoh di Melaka, terdapatnya Kampung Morten yang dipenuhi dengan rumah

tradisional Melaka. Perkara tersebut telah menarik minat pelancong luar mahupun antarabangsa sekaligus meningkatkan ekonomi setempat. Rumah tradisional dapat menarik perhatian pelancong dari segi reka bentuk dan keunikan senibinanya.

Seterusnya, sebanyak 24 responden yang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Dapat disimpulkan bahawa responden juga mempunyai kepercayaan bahawa rumah tersebut dapat menarik minat pelancong. Selain dari itu, seramai 22 responden yang memilih tidak pasti terhadap pernyataan yang dikemukakan. Akhir sekali, responden yang memilih sangat tidak setuju adalah sebanyak 13. Hal ini jelas menunjukkan bahawa responden tersebut tidak faham bagaimana rumah ini boleh menarik minat pelancong luar mahupun tempatan.

**4.5.5: Rumah Tradisional Penting bagi Mengekalkan Nilai Senibina dan Estetika**



**Rajah 4.23:** Graf Responden Rumah Tradisional Penting bagi Mengekalkan Nilai Senibina dan Estetika

Rajah 4.24 di atas menunjukkan graf responden terhadap pernyataan rumah tradisional penting untuk mengekalkan nilai senibina dan estetika. Seramai 232 orang

responden sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Hal ini adalah kerana menunjukkan responden berpengetahuan bahawa setiap rumah tradisional mempunyai nilai dari segi senibina dan estetikanya. Seterusnya, terdapat 20 responden yang memilih untuk bersetuju terhadap pernyataan yang dikemukakan. Dapat disimpulkan bahawa responden juga mempunyai pengetahuan terhadap nilai senina dan estetika yang terdapat pada rumah tradisional tersebut. Akhir sekali, hanya sebanyak 12 orang responden memilih tidak pasti akan kenyataan tersebut. Hal ini menunjukkan responden tidak pasti adakah nilai estetika dan senibina yang terdapat pada rumah tradisional sesuai untuk dijadikan sebagai salah satu khazanah negara.

#### 4.5.6: Rumah Tradisional yang Sedia Ada Penting dalam Memupuk Semangat Patriotisme dalam Kalangan Generasi Muda




**Rajah 4.24:** Graf Responden Rumah Tradisional yang Sedia Ada Penting dalam Memupuk Semangat Patriotisme dalam Kalangan Generasi Muda

Rajah 4.25 menunjukkan graf responden terhadap salah satu pernyataan dari kajian objektif ketiga iaitu rumah tradisional yang sedia ada penting dalam memupuk semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda. Jumlah bilangan responden yang paling ramai untuk pernyataan ini adalah dari responden yang sangat bersetuju iaitu sebanyak 183. Kesemua responden ini faham bahawa dengan memahami rekabentuk serta nilai dari sudut estetika rumah ini, ia sekaligus dapat memupuk semangat cinta akan warisan kita. Perkara ini juga menunjukkan bahawa mereka faham rumah tradisional ini mempunyai nilai warisan yang perlu dipelihara. Selain itu, untuk pernyataan ini, pengkaji telah memperoleh sebanyak 22 responden yang memilih setuju. Hal ini juga menunjukkan bahawa responden yang bersetuju ini mempunyai pengetahuan yang hampir sama dengan sangat setuju. Seterusnya, didapati seramai 7 responden memilih tidak pasti ke atas pernyataan tersebut. Di samping terdapat seramai 52 orang yang sangat tidak bersetuju terhadap kenyataan ini. Dapat dirumuskan bahawa responden tersebut tidak faham atau tidak ambil tahu bagaimana sebuah rumah itu dapat memupuk semangat patriotisme kepada generasi pula. Perkara ini juga berkemungkinan sama dengan responden yang terkakhir iaitu hanya 1 responden sahaja yang tidak bersetuju terhadap pernyataan ini.



#### 4.5.7 Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan sebagai Tempat Penggunaan Semula Infrastruktur




**Rajah 4.25:** Graf Responden Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan sebagai Tempat Penggunaan Semula Infrastruktur

Berdasarkan Rajah 4.26, menunjukkan sebanyak 180 orang responden yang sangat bersetuju bahawa pemeliharaan rumah tradisional dapat menjadikan sebagai tempat penggunaan semula infrastruktur. Hal ini menunjukkan bahawa dari 265 responden ini, hanya 180 orang yang mempunyai pandangan bahawa rumah ini boleh dijadikan penggunaan semula infrastruktur sebagai contoh, rumah ini dijadikan sebuah rumah kedai ataupun rumah untuk pameran koleksi. Selain itu, responden yang setuju dengan dengan pernyataan ini adalah 26 responden. Beralih pula kepada responden yang seterusnya, jumlah bilangan responden terhadap tidak pasti adalah 8. Di samping itu, terdapat sebanyak 48 responden orang menjawab sangat tidak setuju terhadap kenyataan ini. Hal ini boleh dirumuskan kepada dua iaitu responden tidak memahami apakah yang dimaksudkan dengan penggunaan semula infrastruktur dan kedua ialah responden ini faham tentang pernyataan ini namun mereka berpandangan bahawa

rumah tradisional tidak sesuai untuk digunakan semula. Akhir sekali, hanya sebanyak 3 orang responden sahaja yang tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut.

#### 4.5.8: Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan Sebagai Salah Satu Pencapaian Dari Sudut Sainifik




**Rajah 4.26:** Graf Responden Rumah Tradisional Penting untuk Dijadikan sebagai Salah Satu Pencapaian dari Sudut Sainifik

Melalui Rajah 4.27, dapat dilihat bahawa jumlah responden yang paling ramai bagi pernyataan rumah tradisional penting untuk dijadikan sebagai salah satu pencapaian dari sudut saintifik adalah sebanyak 200 responden. Hal ini menunjukkan bahawa responden tersebut mempunyai pengetahuan tentang kelebihan rumah tradisional ini dari sudut. Salah satu kelebihan rumah tradisional dari sudut pandangan saintifik adalah reka bentuknya membenarkan pergerakan angin keluar masuk menjadikan rumah sentiasa sejuk. Seterusnya, terdapat 32 responden orang yang bersetuju dengan pernyataan di atas. Selain dari itu, dapat dilihat bahawa terdapat 19 responden tidak pasti

dengan pernyataan tersebut. Seperti yang dilihat pada graf responden bagi Rajah 4.27, terdapat 13 responden yang sangat tidak setuju dengan kenyataan soalan tersebut. Perkara ini berlaku kerana responden tersebut tidak mempunyai pengetahuan tentang kelebihan rumah ini dari segi saintifik malahan juga dari sudut lain. Akhir sekali hanya 1 sahaja responden tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut.

#### 4.5.9: Rumah Tradisiomnal Penting untuk Mengekalkan Prinsip dan Falsafah yang Terdapat pada Rumah Melaka




**Rajah 4.27:** Graf Responden Rumah Tradisiomnal Penting untuk Mengekalkan Prinsip dan Falsafah yang Terdapat pada Rumah Melaka

Berdasarkan kepada rajah 4.28, jumlah responden bagi mereka yang sangat setuju adalah seramai 206 terhadap pernyataan berkaitan pemeliharaan rumah tradisional dapat mengekalkan prinsip dan falsafah yang ada pada rumah Melaka. Boleh dirumuskan bahawa responden mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap prinsip serta falsafah yang digunakan ke atas rumah Melaka. Seterusnya, terdapat 30 responden yang bersetuju terhadap kenyataan yang disediakan di atas. Selain daripad

itu, dapat dilihat bahawa sebanyak 36 responden sangat tidak bersetuju dengan pernyataan di dalam objektif ketiga ini. Boleh disimpulkan bahawa responden tidak mempunyai apa-apa pengetahuan terhadap prinsip dan falsafah yang terdapat pada rumah ini. Akhir sekali, hanya terdapat 3 sahaja responden yang tidak pasti, boleh dikatakan pemilihan ini adalah disebabkan tidak pasti adakah pernyataan ini sesuai untuk diangkat untuk menjadikan rumah tradisional sebagai khazanah negara.

#### 4.5.10: Rumah Tradisional Melaka Penting untuk Mempamerkan Kepelbagaian Reka Bentuk yang Terdapat di Malaysia



**Rajah 4.28:** Graf Responden Rumah Tradisional Melaka Penting untuk Mempamerkan Kepelbagaian Reka Bentuk yang Terdapat di Malaysia

Melalui rajah 4.29 di atas, terdapat sebanyak 2333 daripada 265 responden telah memilih sangat setuju dengan pernyataan rumah tradisional Melaka penting dalam mempamerkan kepelbagaian reka bentuk yang terdapat di Malaysia. Boleh dirumuskan bahawa hampir kesemua responden sangat bersetuju dengan kenyataan ini kerana rumah

tradisional Melaka mempunyai keunikannya yang tersendiri. Hal ini boleh dilihat dari segi reka bentuk rumahnya dan paling unik sekali adalah tangganya yang mempunyai pelbagai corak dan warna. Selain daripada itu, pernyataan di atas telah mendapat sebanyak 22 responden yang bersetuju. Disamping itu, bagi responden yang sangat tidak bersetuju dengan kenyataan ini adalah sebanyak 7 orang responden. Boleh dimuruskan responden tersebut sangat tidak bersetuju kerana kenyataan tersebut tidak sesuai untuk menjadikan rumah tradisional sebagai khazanah negara.

#### **4.6 Penutup**

Kesimpulannya, melalui analisis dan pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji ke atas 3 buah kampung di kawasan Masjid Tanah, masih wujud lagi rumah tradisional Melaka akan tetapi bilangan rumah tradisional ini tidak banyak. Hal ini adalah berkemungkinan disebabkan oleh kemajuan arus pemodenan serta kos yang tinggi dalam menyiapkan satu rumah tradisional. Pengkaji juga mendapati bahawa terdapat dua tipologi rumah tradisional yang dijumpai di kawasan kajian iaitu Rumah Tradisional Melaka dan Rumah Limas Melaka. Hal ini dapat diketahui melalui perbandingan yang dilakukan ke atas borang inventori yang digunakan oleh pengkaji. Hasil dari pengedaran borang soal selidik pula, didapati kebanyakan dari responden ini sangat memberikan kerjasama dalam menjawab semua soalan yang dikemukakan bagi menjawab soalan objektif ketiga.

## BAB 5

### PERBINCANGAN & RUMUSAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menerangkan secara ringkas mengenai analisis dan dapatan kajian yang telah dibuat. Bahagian ini akan mengandungi tiga bahagian iaitu rumusan, cadangan dan penutup. Berdasarkan daripada kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji mengenai Pemetaan Rumah Tradisional Melaka yang Memberi Kesan Terhadap Masyarakat di Tiga Kampung Kawasan Masjid Tanah, pengkaji akan memberikan rumusan berdasarkan dari ketiga-tiga dapatan kajian dan seterusnya mengemukakan beberapa cadangan untuk menjadikan satu refleksi menyeluruh terhadap kajian yang dijalankan.

Pengkaji mendapati bahawa masih wujud lagi beberapa buah rumah tradisional Melaka dan seterusnya dapat memberikan peluang kepada pengkaji untuk melakukan pemetaan terhadap lokasi bilangan taburan bagi rumah tradisional Melaka ini. Lokasi bagi bilangan taburan ini dipecahkan kepada tiga kampung iaitu kampung Solok Air Kelulut, Kampung Londang dan Kampung Solok Kemang. Selain daripada itu pengkaji mendapati hasil dari penemuan rumah tradisional Melaka di kawasan kajian, terdapat dua jenis tipologi bangunan rumah tradisional Melaka. Dua jenis tipologi di kawasan kajian ini akan jenis rumah tradisional Melaka dan rumah Limas Melaka.



Berdasarkan daripada kajian ini pengkaji telah mengedarkan borang soal selidik sebanyak 267 bagi mengetahui tentang kepentingan pemeliharaan rumah tradisional untuk dijadikan sebagai khazanah negara. Rumusan yang cadangan yang diberikan berkaitan tentang ketiga- tiga perkara yang dibincangkan oleh pengkaji di atas ini.

## **5.2 Perbincangan**

Pada bahagian ini, ia akan dipecahkan kepada tiga bahagian yang mana setiap satu merangkumi analisis daripada ketiga-tiga objektif kajian. Pengkaji akan membincangkan berkaitan dengan analisis bagi menjawab setiap objektif yang telah dikemukakan oleh pengkaji.

### **5.2.1 Perbincangan Objektif Kajian 1: Lokasi Bilangan Taburan Tradisional Melaka yang Terdapat di 3 Kampung Kawasan Masjid Tanah**

Hasil daripada pemerhatian di kawasan kajian, pengkaji mendapati bahawa tidak banyak rumah tradisional Melaka yang telah dijumpai di kawasan kajian yang mana kawasan kajian ini meliputi kawasan Masjid Tanah. Melalui kajian lapangan yang telah dilakukan oleh pengkaji, pengkaji hanya memperolehi 10 buah rumah tradisional bagi tujuan pemetaan untuk lokasi bilangan taburan rumah tradisional Melaka. Kawasan kajian ini juga tertumpu kepada 3 buah kampung yang terdiri daripada Kampung Solok Ayer Kelulut, Kampung Londang dan Kampung Solok Kemang. Seterusnya, hasil daripada pemerhatian yang dilakukan di kawasan kajian ini pengkaji telah mengenalpasti bahawa terdapat 6 buah rumah tradisional di Kampung Solok Ayer Kelulut, 2 buah rumah tradisional di Kampung Londang dan 2 buah rumah tradisional di Kampung Solok Kemang. Kesemua rumah ini mempunyai nilai estetika yang tersendiri yang mana pengkaji telah mengenalpasti terdapat dua tipologi bangunan.

Seterusnya, pengkaji juga telah menggunakan tiga peta yang mana setiap peta itu mewakili setiap satu kampung. Di samping itu, pengkaji juga turut menerangkan berkaitan dengan lokasi taburan rumah ini di dalam peta yang digunakan itu tadi. Setiap peta kemudiannya akan diletakkan gambar berserta anak panah yang menunjukkan lokasi rumah tersebut di dalam peta ini. Hal ini bertujuan untuk memudahkan sesiapa sahaja memahami lokasi sebenar bagi setiap rumah tradisional Melaka yang telah diletakkan di dalam peta.

Di samping itu, pengkaji juga telah mendapatkan beberapa maklumat berkaitan dengan rumah tradisional yang telah dikenalpasti itu tadi yang mana setiap rumah ini mempunyai maklumat dari segi nama penetap, alamat rumah berserta alamat daripada pautan *Google Maps*. Melalui temubual yang dijalankan oleh pengkaji, sesetengah pemilik rumah tradisional Melaka itu menyatakan bahawasanya kawasan tersebut dahulunya banyak rumah tradisional yang didirikan di kawasan kajian yang dijalankan oleh pengkaji iaitu di Masjid Tanah, Melaka. Namun begitu, selaras dengan peredaran zaman dan kemajuan teknologi banyak penduduk menaik taraf rumah mereka daripada rumah tradisional kepada rumah batu. Tambahan pula, pengkaji mendapati faktor rumah tradisional ini tidak dibangunkan lagi pada masa kini kerana kos pembinaan bagi rumah tradisional lebih tinggi berbanding rumah batu. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa melalui kajian ini pengkaji mendapati kawasan kajian ini pada satu ketika dahulu mempunyai banyak rumah tradisional namun kini rumah tradisional tersebut semakin berkurangan.

### **5.2.2 Perbincangan Objektif Kajian 2: Tipologi Rumah Tradisional Melaka di 3 Kampung Kawasan Masjid Tanah**

Seterusnya, bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan tipologi bangunan, pengkaji telah menggunakan kaedah pemerhatian dan dibantu dengan penggunaan borang inventori. Penggunaan borang inventori digunakan untuk mengenalpasti tipologi bangunan bagi setiap rumah tradisional Melaka yang telah dijumpai di kawasan kajian iaitu Masjid Tanah. Borang ini mengandungi bahagian-bahagian utama di dalam bangunan yang terdapat pada rumah tradisional Melaka. Bahagian yang disenaraikan bagi setiap rumah ini terdiri dari jenis-jenis bumbung rumah, kemasan genting, tingkap, dinding, kemasan genting, tangga, pintu, tiang pelapik dan ragam hias. Melalui borang inventori yang telah digunakan, maklumat berserta gambar berkaitan bahagian untuk kesemua rumah ini akan direkodkan pada borang ini. Bukan itu sahaja, pengkaji juga akan memberikan penerenagan berkaitan dengan susun atur ruang rumah, perbezaan dari segi penggunaan jenis tingkap, motif-motif ukiran dan lain-lain lagi pada setiap rumah tradisional Melaka yang ada pada kawasan kajian.

Hasil dari penggunaan borang inventori ini pengkaji mendapati bahawa terdapat 2 tipologi rumah yang boleh dikategorikan. Tipologi rumah tradisional yang pertama adalah rumah tradisional Melaka. Setiap rumah tradisional di Malaysia mempunyai ciri- cirinya yang tersendiri bagi melambangkan ia datang dari sesuatu negeri. Dalam mengenal bahawa sesuatu rumah tersebut adalah rumah tradisional Melaka dengan melihat kepada reka bentuk rumah tersebut.

Rumah tradisional Melaka ini mempunyai perbezaan ciri-ciri dari segi reka bentuk dan susun atur rumahnya yang tersendiri. Ciri-ciri pertama yang terdapat pada rumah tradisional Melaka adalah dari segi reka bentuk bumbungnya yang panjang. Bumbungnya yang panjang ini berfisat cerun dan tinggi yang mana ia dilengkapi

dengan tebar layar. Secara asasnya rumah ini akan terbahagi kepada 2 iaitu rumah tiang 12 dan rumah tiang 16. Untuk mengenal pasti bahawa rumah tersebut adalah reka bentuk dari tiang 12 atau 16 ia boleh dilihat dari segi bilangan tiang pada serambi rumah. Seterusnya, dari segi penyusunan susun atur ruang rumah ini, ia bermula dengan serambi, rumah ibu, selang, rumah dapur dan diakhiri dengan pelantar. Rumah melaka sangat terkenal dengan tangga jubinnya yang mempunyai pelbagai warna dan motif. Dikatakan bahawa jubin tangga ini datangnya dari negara luar iaitu dari negara China. Ciri-ciri lain rumah tradisional Melaka ini adalah ia menggunakan dua jenis tingkap iaitu tingkap labuh dan tingkap singkat. Tingkap labuh ini kebiasannya akan berapa pada bahagian serambi. Hal ini dikatakan sedemikian kerana, tingkap labuh digunakan adalah bertujuan bagi memaksimumkan pengaliran udara di dalam rumah. Penggunaan tingkap jenis singkat ini kebiasaannya terdapat pada bahagian rumah ibu dan rumah dapur. Tingkap singkat digunakan bagi tujuan menjaga batasan pandangan antara kaum wanita dan lelaki. Tingkap rumah ini kebiasannya memiki jerejak dan kaca terapuk iaitu kaca berwarna warni. Di samping itu, terdapat banyak motif ukiran atau corak pada rumah tradisional Melaka ini. Motif ukiran ini kebiasannya terletak di papan meleh, jerejak, papan layar dan tagga rumah, Motif flora dan goemetri banyak digunakan berkemungkinan adalah disebabkan pengaruh kedatangan islam yang melarang penggunaan motif ukiran dari fauna.

Seterusnya, hasil dari penelitian terhadap borang inventori ini, dapat dirumuskan bahawa terdapat rumah tradisional jenis Limas Melaka. Reka bentuk rumah Limas Melaka ini seakan-akan dengan reka bentuk rumah limas Muar. Perbezaan rumah ini adalah dari segi susun atur rumah ini dimana rumah limas melaka tidak mempunyai serambi seperti mana yang terdapat pada rumah limas Muar. Susun atur rumah ini dimulai dengan anjung, rumah ibu, ruang tengah, bilik tidur kemudian jambatan dan

ruangan yang terakhir sekali adalah ruang dapur dan bilik tidur. Selain itu, dari segi reka bentuk bumbungnya ia menggunakan bumbung jenis limas. Bumbung ini bersifat lebih rendah dan kecil jika dibanding dengan rumah tradisional melaka yang tinggi dan curam. Semua bahagian rumah ini menggunakan satu jenis tingkap sahaja iaitu tingkap singkat. Semua tingkap ini menggunakan kaca jenis terapuk yang berwarna. Akhir sekali ciri terakhir pada rumah Limas Melaka adalah dari penggunaan tiang pelapiknya yang mempunyai saiz yang lebih besar dan tinggi sehingga ke bahagian rasuk.

### **5.2.3 Perbincangan Objektif 3: Kepentingan Pemeliharaan Rumah Tradisional Melaka Sebagai Khazanah Negara**

Hasil dapatan daripada pengedaran borang soal selidik di kawasan kajian berkaitan dengan objektif ketiga iaitu mengenalpasti kepentingan pemeliharaan rumah tradisional Melaka sebagai khazanah negara, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan responden mempunyai pengetahuan serba sedikit atau mendalam ke atas setiap pernyataan yang diberikan. Hal ini adalah kerana hasil daripada 10 pernyataan yang diedarkan oleh pengkaji dengan menggunakan skala likert ini, majoriti daripada responden sangat setuju bagi kenyataan yang dikemukakan. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan dari responden tersebut mempunyai pengetahuan akan kepentingan pemeliharaan rumah tradisional ini.

Namun begitu, terdapat juga beberapa responden yang sangat tidak setuju akan beberapa kenyataan yang dikemukakan berkaitan dengan kepentingan pemeliharaan rumah tradisional Melaka ini. Sebagai contohnya daripada 265 orang responden seramai 48 orang responden sangat tidak bersetuju akan kenyataan rumah tradisional penting untuk dijadikan sebagai salah satu tempat penggunaan semula infrastruktur. Responden sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut adalah kerana mereka tidak

mengetahui bagaimana rumah ini bagaimana rumah ini boleh atau sesuai dijadikan tempat untuk penggunaan semula yang lain. Hal ini dapat menunjukkan sesetengah namun bukan majoriti dari responden juga sangat tidak bersetuju dengan beberapa kenyataan berkemungkinan mereka tidak faham atau tidak mempunyai ilmu berkaitan rumah tradisional ini.

### 5.3 Rumusan

Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, pengkaji mendapati bahawa kaedah atau metodologi kajian yang digunakan pengkaji adalah berkesan melalui kajian pemetaan rumah tradisional Melaka yang memberi kesan kepada masyarakat setempat di 3 kampung kawasan Masjid Tanah. Melalui kaedah pemerhatian yang dijalankan di kawasan kajian, kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat berkaitan dengan objektif pertama dan kedua. Hasil dari pemerhatian ini pengkaji telah berjaya menemui beberapa buah rumah tradisional di kawasan kajian iaitu sebanyak 10 buah rumah. Rumah tersebut pengkaji telah meletakkan lokasi taburannya di dalam peta bagi setiap kawasan kajian. Maklumat lain yang terdapat pada rumah tersebut adalah berkaitan dengan lokasi serta alamat dari *Google Maps* pengkaji juga meletakkan gambar bagi semua rumah tradisional yang ditemui serta pemilik rumah tersebut.

Selain itu, juga melalui kaedah pemerhatian namun ia dibantu dengan penggunaan borang inventori ini pengkaji dapat mengenalpasti berkaitan tipologi rumah tradisional di kawasan kajian. Seterusnya, pengkaji telah menyenaraikan tipologi bagi setiap rumah yang dijumpai iaitu berkaitan dengan jenis bumbung dan kemasan genting, tangga, susun atur, pintu, tingkap dan lain-lain. Hasilnya pengkaji dapat menyimpulkan bahawa terdapat 2 tipologi rumah tradisional iaitu Rumah tradisional Melaka dan Rumah Limas Melaka. Dapatan kajian yang 3 ia dibantu dengan



penggunaan borang soal selidik berkaitan dengan kepentingan pemeliharaan rumah tradisional sebagai khazanah negara. Pengkaji mendapati bahawa daripada 265 orang responden ini majoriti dari mereka sangat bersetuju akan setiap kenyataan yang dikemukakan. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai pengetahuan dan faham dengan kenyataan bagi setiap soalan yang dikemukakan ke atas mereka. Namun begitu, masih terdapat juga sebilangan responden yang sangat tidak bersetujuan dengan beberapa kenyataan yang dikemukakan.

#### **5.4 Cadangan**

Cadangan merupakan satu keadah ataupun langkah yang boleh diambil hasil daripada pengumpulan data maklumat dan proses menganalisis data yang dilakukan melalui kajian terhadap Pemetaan Rumah Tradisional Melaka yang Memberi Kesan Terhadap Masyarakat di Tiga Kampung Kawasan Masjid Tanah. Cadangan yang boleh diambil dalam mengekalkan rumah tradisional ini adalah bermula daripada individu itu sendiri. Setiap individu ini perlulah sedar akan kepentingan dalam pemeliharaan rumah tradisional sebagai salah satu daripada warisan negara. Oleh hal yang sedemikian, dalam menjadikan seseorang individu tersebut faham akan kepentingan rumah tradisional ini, individu tersebut perlulah mempelajari terlebih dahulu tidak kira sama ada formal atau tidak formal berkaitan rumah tradisional. Antara perkara yang boleh dilakukan dalam memberikan pengetahuan kepada individu itu sendiri adalah melalui dari pembacaan artikel, laman web dan buku. Sebagai contoh individu boleh melakukan pembacaan berkaitan seni bina dan reka bentuk rumah tradisional. Selain itu juga seseorang individu juga boleh mengambil inisiatif dengan melakukan pertanyaan kepada orang-orang lama yang mempunyai pengetahuan terhadap rumah tradisional ini.

Dengan adanya ilmu serba sedikit terhadap rumah tradisional ini, ia akan memberikan kesedaran kepada individu tersebut akan kepentingan rumah tradisional.

Selain daripada itu, antara pandangan lain dalam mengekalkan rumah tradisional ini adalah menerusi peranan institusi pendidikan. Pihak institusi pendidikan iaitu pihak institusi pengajian tinggi boleh mewujudkan satu subjek teras berkaitan dengan warisan pada awal semester. Subjek teras ini perlulah diwujudkan pada semua institusi pengajian tinggi agar mereka dapat didedahkan tentang kepentingan warisan ini kepada sesuatu negara. Menerusi subjek ini mahasiswa akan diberikan pemahaman berkaitan dengan warisan yang terdapat di Malaysia dan terutama sekali pendedahan terhadap rumah tradisional sebagai contohnya dari segi reka bentuk, nilai seni bina, kebijaksanaan pembinaan rumah tradisional dari sudut sains dan falsafah yang terdapat pada rumah itu. Pendedahan dari peringkat institusi ini sedikit sebanyak memberikan ilmu kepada mereka akan kepentingan rumah tradisional ini. Selain itu cara lain yang boleh digunakan pihak institusi ini adalah dengan melakukan lawatan sambil belajar. Sebagai contohnya adalah melakukan lawatan di tempat semasa kerja-kerja konservasi bangunan dijalankan. Di sini ia dapat memberikan pemahaman kepada pelajar berkaitan kerja yang dijalankan sekali kepentingan rumah warisan tradisional ini kepada negara. Oleh itu jelaslah menunjukkan bahawa institusi pendidikan memainkan peranan penting dapat mengekalkan rumah tradisional.

Akhir sekali, pihak kerajaan sangat memainkan peranan dalam mengekalkan rumah tradisional yang terdapat di Negara ini. Hal ini dapat dilihat dimana pihak kerajaan boleh memberikan peruntukan kewangan dana khas dalam menampung perbelanjaan pemuliharaan rumah tradisional. Dana ini bukan sahaja boleh disalurkan melalui sudut kewangan sahaja, namun ia boleh diberikan melalui tenaga pakar yang mahir dalam

membuat atau membaik pulih rumah tradisional ini. Ini kerana, pada era globalisasi ini tidak banyak orang yang mempunyai kemahiran dalam membina atau membaik pulih rumah tradisional ini. Selain dari, cara yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan adalah dengan mewartakan rumah tradisional yang mempunyai kepentingan warisan sebagai warisan kebangsaan. Secara tidak langsung rumah yang telah diwartakan ini dapat perlindungan pemeliharaan dan pemuliharaan dari Jabatan Warisan Negara. Akhir sekali pihak kerajaan boleh melakukan kerjasama dengan pihak swasta dalam membantu memulihara rumah tradisional ini. Hal ini sekali juga dapat mewujudkan kerjasama dua hala yang positif antara dua pihak dan yang lebih penting dalam megekalkan warisan rumah tradisoanal di Malaysia.

#### **5.4 Penutup**

Secara keseluruhan, melalui kajian yang telah dijalankan iaitu bertajuk Pemetaan Rumah Tradisional Melaka yang Memberi Kesan Terhadap Masyarakat di Tiga Kampung Kawasan Masjid Tanah dapat memberikan satu ilmu yang baru kepada pengkaji mahupun kepada pembaca yang lain. Hasil daripada kajian ini pengkaji mendapati masih lagi terdapat beberapa rumah tradsional Melaka di kawasan kajian. Rumah- rumah ini kebanyakan masih utuh dan berdiri dengan kuat lagi. Setiap rumah yang dijumpai di sini mempunyai keunikannya yang tersendiri lebih-lebih lagi dari segi corak tangganya. Selain itu juga, tanpa kajian ini pengkaji mungkin tidak dapat tahu bahawa terdapat 2 tipologi bangunan iaitu jenis rumah Limas Melaka dan Rumah Tradisional Melaka.

Oleh hal yang sedemikian, pengkaji berharap agar kajian ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak tidak kiralah bagi mereka yang ingin melakukan kajian atau pun sekadar sebagai sumber bacaan sahaja. Kajian yang dilakukan ini juga

diharapkan dapat memberikan kesedaran kepada semua pihak betapa pentingnya pemeliharaan rumah tradisional ini memandangkan tidak banyak rumah yang masih wujud pada abad kini. Akhir kata, pengkaji berharap agar kajian ini digunakan sebaik mungkin dalam melakukan kajian lanjutan yang mempunyai perkaitan dengan kajian ini.



## RUJUKAN

- Fadlina Ahmad, R. N. (2012). Pengaruh Kedatangan Islam Terhadap Senibina Dan Ornamentasi Pada Rumah Tradisional Melaka. *The 9 Regional Symposium Of Malay Archipelago 2012*, 1-13. Didapatkan Dari <https://Oarep.Usim.Edu.My/Jspui/Handle/123456789/16114>
- Man, M. S. (2017). Kepentingan Pemuliharaan Dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu Di Abad Kini. 2-13. Didapatkan Dari <http://lr.Uitm.Edu.My/Id/Eprint/32223/>
- Mashitah Sulaiman, M. N. (2021). Cabaran Kesenambungan Warisan Seni Bina Rumah Tradisional Melayu Di Semenanjung Malaysia: Solusi Ke Arah Memartabatkan Seni Budaya Warisan Ketamadunan Melayu. 1-40.  
;'.=Didapatkan Dari <https://Oarep.Usim.Edu.My/Jspui/Handle/123456789/16114>
- Mashitah Sulaiman, M. N. (2021). Kearifan Tempatan Dalam Seni Bina Rumah Tradisional Melayu: Warisan Bernilai Yang Dilupakan. 1-54. Didapatkan Dari <https://Oarep.Usim.Edu.My/Jspui/Handle/123456789/16114>
- Md. Asrul Nasid Masrom, Z. A. (2020). Cabaran Dalam Pemeliharaan Bangunan Istana Lama Seri Menanti Di Negeri Sembilan. Didapatkan Dari <https://Oarep.Usim.Edu.My/Jspui/Handle/123456789/16114>
- Noor Hayati Ismail, S. K. (2016). Reka Bentuk Rumah Tradisional Negeri Sembilan Dipengaruhi Oleh Adat Dan Kedaerahan. 1-24. Didapatkan Dari [https://www.researchgate.net/publication/310732873\\_Reka\\_Bentuk\\_Rumah\\_Tradisional\\_Negeri\\_Sembilan\\_Dipengaruhi\\_Oleh\\_Adat\\_Dan\\_Kedaerahan](https://www.researchgate.net/publication/310732873_Reka_Bentuk_Rumah_Tradisional_Negeri_Sembilan_Dipengaruhi_Oleh_Adat_Dan_Kedaerahan)
- Norhamidi, N. N. (2022). Kepentingan Pemuliharaan Kompleks Sejarah Matang Di Perak. Didapatkan Dari <http://umkeprints.umk.edu.my/12447/>
- Nur Nasiha Muhamad Hasani, S. N. (2020). Pemuliharaan Terhadap Struktur Bangunan Istana Jahar Sebagai Bangunan Warisan Di Kelantan: Satu Tinjauan Awal. 74-83. Didapatkan Dari <http://journal.umk.edu.my/index.php/teniat/article/view/298>
- Rosniza Aznie Che Rose, N. A. (2017). Pengurusan Pemuliharaan Bangunan Warisan Di Tapak Unesco George Town, Pulau Pinang: Perspektif Dan Pelancong Tempatan. Didapatkan Dari <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/geog/article/view/2062>

Sudirman. (2014). Pemetaan Rumah Tradisional Melayu Riau. Didapatkan Dari <https://Media.Neliti.Com/Media/Publications/73997-Id-None.Pdf>

Teddy Hartawan, E. R. (2018). Pemetaan Dan Identifikasi Bangunan Bersejarah Di Kota Tua Ampenan Mataram Nusa Tenggara Barat. *Sangkareang Mataram*, 41-46. Didapatkan Dari <https://Sangkareang.Org/Index.Php/Sangkareang/Article/View/155>

Teddy Hartawan, E. R. (2018). Pemetaan Dan Identifikasi Bangunan Bersejarah Di Kota Tua Ampenan Mataram Nusa Tenggara Barat. *Sangkareang Mataram*, 41-46. Didapatkan Dari <https://Sangkareang.Org/Index.Php/Sangkareang/Article/View/155>

Yulianto Purwono Prihatmaji, W. A. (2013). Penyuluhan Dan Pemetaan Lokasi Rumah. *Inovasi Dan Kewirausahaan*, 22-22. Didapatkan Dari <https://Journal.Uii.Ac.Id/Ajie/Article/View/7842>

Zainuddin, N. S. (2021). Kajian Kes Terhadap Pemuliharaan Bangunan Masjid Lama Kampung Tua Yang Telah Melakukan Penambahbaikan Pada Struktur Binaannya. Didapatkan Dari <http://Umkeprints.Umk.Edu.My/12020/>

Dr.Amani. (2016). *Tinjauan Literatur / Sorotan Kajian*. Diakses Pada 27 Mac 2022 Di Blogspot.Com. <http://Amaniresearch.Blogspot.Com/2011/04/Tinjauan-Literatur-Sorotan-Kajian.Html>

Mohd Anuar Ramli. (2021). *Panduan Ringkas Literature Review, Sorotan Kajian Lepas, Tinjauan Kajian Lepas*. Diakses Pada 27 Mac 2022 Di Academia.Edu. [https://Www.Academia.Edu/16787686/Panduan\\_Ringkas\\_Literature\\_Review\\_Sorotan\\_Kajian\\_Lepas\\_Tinjauan\\_Kajian\\_Lepas](https://Www.Academia.Edu/16787686/Panduan_Ringkas_Literature_Review_Sorotan_Kajian_Lepas_Tinjauan_Kajian_Lepas)




**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

16300 Bachok, Kelantan, Malaysia.

www.umk.edu.my

Tel : 09-7797000/7540

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

Faculty of Creative Technology and Heritage

 Ruj. Kami (Our Ref) UMK.A02.600-4/7/4 JILID 4 (59)  
 Tarikh (Date) 10 Januari 2023

 Masjid Tanah  
 Kampung Londang, 78300 Masjid Tanah Melaka  
 Kampung Londang, 78300 Masjid Tanah Melaka  
 78300 Alor Gajah  
 Melaka

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN /  
 PENYELIDIKAN / TEMURAMAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

 2. Dimaklumkan bahawa pelajar di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah di organisasi tuan. Tujuan menjalankan kajian/ penyelidikan/ temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT4134)**. Nama pelajar adalah seperti butiran berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. K/P	Program
1	Muhammad Farhan Bin Ismail	C19A0299	991014045219	Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan.

Segala kerjasama tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"ALLAH DITAATI, RAJA DISANJUNGI, RAKYAT DIKASIHI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**


Saya yang menjalankan amanah,

**PROF. MADYA TS. DR. AHMAD AZAINI BIN ABDUL MANAF**  
 Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST


**ACEU**  
 ACCREDITATION COUNCIL  
 FOR HIGHER EDUCATION &  
 EMPLOYED UNIVERSITIES

**THE** IMPACT  
 RANKINGS 2021

Gambar yang Diambil Ketika Pengkaji Melakukan Pemerhatian di  
Kawasan Kajian

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN